

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
EBBY SAIFULLAH BIN ALI

PELAKON, PENGARAH, KOMPOSER, PENYANYI DAN PEMUZIK

OLEH:

MUHAMMAD FAHMI BIN AZLIZAM 2021730765  
NURUL SYAZWANI BINTI SOHAIMI 2021110347

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022 - OGOS 2022)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami tuntukkan ucapan Alhamdulillah kepada Allah atas nikmat-nikmat yang diberikan kepada kami tanpa henti. Tanpa keredhaannya, tidak mungkin kami mampu menyiapkan tugas ini walau sedikit pun.

Penghargaan ini juga kami tujuhan kepada kedua ibu bapa kami kerana mereka sentiasa menitipkan doa-doa untuk keberkatan kami disini. Mereka juga banyak menyokong kami dari segenap segi rohani dan kewangan untuk menghasilkan tugas ini bermutu.

Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana dengan izin Allah, beliau sudi menunjuk ajar kami walaupun mengganggu masa rehatnya. Beliau juga sering mengingatkan kami sekiranya kami alpa dan menegur kami dengan dengan amat berhemah. Semoga jasa baiknya akan dilimpahi dengan kurniaan daripada Allah yang tidak ternilai harganya.

Kami juga ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada teman-teman kami yang sanggup berkongsi ilmu, maklumat dan segala bentuk bantuan yang kami dambakan khususnya dalam menghasilkan dokumen ini. Ketahuilah bahawa segala macam bantuan yang anda salurkan amat kami hargainya.

Sebelum menutup bicara, kami ingin menyampaikan sekalung terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat atau pun tidak. Kesudian anda amat kami hargai.

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama Encik Ebby Saifullah Ali untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai salah satu anak seni di Malaysia. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Tarikh temubual tersebut adalah pada 24.06.2022 bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari Encik Ebby Saifullah Ali atau lebih dikenali sebagai Ebby Saiful merupakan seorang pelakon, penyanyi, komposer, pemuzik dan pengarah drama TV yang popular pada era 1980an. Beliau lahir dalam keluarga yang berdarah seni. Beliau merupakan anak kepada composer Ali Ahmad dan aktris Norsiah Yem. Beliau juga merupakan cucu kepada aktris Minah Yem. Beliau memulakan kariernya sebagai pelakon ketika berusia sembilan tahun dalam filem Asmara Kirana yang diterbitkan pada 1968. Beliau menujuhkan kumpulan The Beez pada usia 19 tahun dan banyak mencipta lagu untuk filem dan drama. Beliau menjinakkan diri dalam bidang pengarahan sebagai penolong pengarah bagi Sumpahan Mahsuri pada tahun 1989. Pelbagai ujian dan cabaran telah dilalui oleh Encik Ebby Saiful sepanjang perjalanan kariernya sebagai anak seni di Malaysia. Sejarah kehidupan, kerjaya dan pencapaian beliau dapat dijadikan sumber inspirasi terutama kepada anak muda yang ingin menjalankan kaki di dalam bidang seni sepertinya.

**Kata kunci:** pelakon, pemuzik, artis, industri, komposer.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Pengenalan.....	v
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang Persekolahan Dan Perjalanan Seni.....	06
Bahagian 3: Penglibatan/Pengalaman Dalam Industri Lakonan.....	11
Bahagian 4: Penglibatan/Pengalaman Dalam Industri Penerbitan.....	27
Bahagian 5: Penglibatan/Pengalaman Dalam Industri Muzik.....	40
Bahagian 6: Pencapaian.....	52
Bahagian 7: Sumbangan.....	54
Bahagian 8: Harapan.....	56
Lampiran	
Log Wawancara.....	60
Diari Kajian.....	64
Senarai Soalan Temubual.....	67
Surat Perjanjian.....	77
Indeks.....	78

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**Nama: Ebby Saifullah Bin Ali**

**Umur: 63 Tahun**

**Tarikh Lahir: Jun 1959**

**Tempat Lahir: Singapura**

**Pekerjaan: Pelakon, penyanyi, komposer, pemuzik dan pengarah**

**Tempat Tinggal: Alam Damai, Cheras**

**Nombor Telefon: 018-396###**

**Nama Ibu: Norsiah Yem**

**Nama Ayah: Ali Bin Ahmad**

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Sejarah lisan ialah kajian yang boleh menyimpan data dari masa lalu, walaupun masa dan peristiwa telah berlalu. Ianya wujud pada zaman penemuan baharu dan teknologi moden yang berkaitan dengan isu politik, kewangan, ekonomi, kesusasteraan dan kehidupan moden yang semakin kompleks. Kajian sejarah lisan dikatakan menarik kerana pengkaji menemui pelbagai pengalaman baharu, melihat sejarah dari semua sudut, dan mempelajari lebih lanjut tentang fitrah manusia. Ini adalah bidang pengajian yang sangat luas meliputi semua lapisan masyarakat seperti rakyat biasa, ketua masyarakat, gabenor, menteri, penulis terkenal, penulis, syarikat dan lain-lain.

Berdasarkan maksud artis yang dimaksudkan dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, artis bermaksud seorang yang berbakat seni dan boleh mencipta karya seni serta mempamerkan hasil seninya di hadapan khalayak ramai. Terdapat beberapa profesion yang boleh dikaitkan dengan perkataan artis seperti pelukis, penyair dan penyanyi. Sememangnya, apabila kita bercakap tentang artis, artis sendiri mempunyai karya seni mereka sendiri yang mereka pakar dalam bidang yang diceburinya. Contohnya adalah lukisan, puisi karya seniman, seloka atau puisi, juga muzik hasil pemikiran mereka.

Lakonan ialah satu bentuk penceritaan yang digambarkan melalui peniruan dan penghayatan terhadap pelakon atau watak dalam cerita yang berbeza daripada diri mereka yang sebenar. Kata dasar lakon diambil daripada bahasa Jawa lakon melalui pengimbuhan "berjalan" dan an. Karya ini pada asalnya merujuk kepada peristiwa penting dalam seni sinematik dengan menerangkan "sesuatu yang berlaku, atau 'peristiwa' atau imej atau makhluk kehidupan seharian manusia", kemudian penggambaran dalam karya ini digambarkan sebagai "pengalaman seorang Kehidupan "perjalanan" yang mengubah huru-hara. Apabila [dunia] betul."

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Rakaman ini berkisah tentang Ebby Saifullah Ali, seorang seniman veteran di Malaysia. Rakaman ini merangkumi tentang latar belakang, penglibatan, pengalaman, pencapaian, sumbangan serta harapan beliau sepanjang karirnya dalam industri seni Malaysia. Rakaman ini didapatkan melalui temubual yang dijalankan pada 24.06.2022 dari 9.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari melalui aplikasi Google Meet. Berikut adalah hasil rakaman.

<b>PETUNJUK:</b>	
<b>MF</b>	<b>Muhammad Fahmi Bin Azlizam</b>
<b>ES</b>	<b>Ebby Saifullah Bin Ali</b>

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

<b>MF</b>	<b>: Apakah nama sebenar encik?</b>
<b>ES</b>	Nama abang sebenarnya ialah Ebby Saifullah bin Ali, itu nama sebenar abang lah.
<b>MF</b>	<b>: Abang Ebby ada apa-apa nama gelaran atau timbangan?</b>
<b>ES</b>	Nama gelaran abang, kalau dulu, dulu Ebby Saiful, Ebby saja, Ebby Ali, itu pasal dalam lagu-lagu abang lebih, kadang-kadang abang tulis Ebby Ali, kadang-kadang abang tulis Ebby Saiful tapi yang kekal Ebby Saiful lah, kadang-kadang abang tulis Ebby Saifullah terus, macam dalam filem ke abang tulis lagu abang taroklah [letaklah] Ebby Saifullah, kadang-kadang Ebby Ali.

<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Pada tahun berapa yang encik dilahirkan?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Okay, sebenarnya abang dilahirkan dalam tahun 59-an, bulan Jun 59-an.
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Di mana abang Ebby dilahirkan dan dibesarkan?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Abang dilahirkan di Singapura, waktu tu <b>Singapore</b> [Singapura] masih di bawah Malaysia lagilah, jadi bila lahir selepas itu, dalam itu terus abang dibawak [dibawa] oleh nenek abang ke Malaysia ke Kuala Lumpur ni. Kuala Lumpur abang duduk di Kampung Baru, sebelum tu duduk di, ada satu tempat tu nama Chow Kit kot namanya, bukan di Chow Kit tu. Sebenarnya pasal Chow Kit tu semua, sebenarnya itu jalan Kampung Abdul Rahman, Chow Kit tu sebenarnya dalam, Chow Kit tu sebenarnya di PWTC, di PWTC, di situ, itulah kawasan Chow Kit sebenarnya. Kalau dok [duduk] kata Chow Kit, Chow Kit, Chow Kit, kawasan Chow Kit tu bukan, itu sebenarnya jalan Tengku Abdul Rahman. Di situ, waktu tu la - - - jadi abang, abang bersekolah di sini, abang - - - itu pasal <b>i am the only malaysian</b> [saya merupakan satu-satunya orang Malaysia], lain-lain adik-beradik abang <b>Singapore</b> [Singapura], abang sorang [seorang] sahaja jadi rakyat Malaysia sebab sewaktu itu, masa arwah nenek abang bawak [bawa] abang datang sini Malaysia, <b>Singapore</b> [Singapura], <b>Singapore</b> [Singapura] masih di bawah Malaysia. Jadi itu pasal abang, abang jadi <b>malaysian</b> [orang Malaysia] sekarang ni, <b>citizenship</b> [kewarganegaraan] abang pun memang <b>malaysian citizenship</b> [kewarganegaraan Malaysia] lah. Jadi apa lagi nak tahu.
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Seterusnya, boleh saya tahu di mana abang menetap sekarang?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Abang di kawasan Cheras, Alam Damai.
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Boleh saya tahu apa nama abah dan ibu encik Ebby?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Ibu abang nama Norsiah Yem anak kepada tokoh bangsawan dulu, tokoh

	<p>profileman dulu namanya Pak Yem. Lepas tu, nenek, nenek abang namanya Minah Yem ataupun lebih dikenali sebagai Minah Ketot, jadi mak abang namanya Norsiah, Norsiah Yem, semua nama yem, yem, yem kat belakang. Sebenarnya Minah Yem tu pasal nak kenal menerusi bila datuk abang, nenek abang kan kata Mak Minah, minah, minah, pasal waktu bangsawan dulu, banyak minah, Minah Alias ada yang di Penang tu, itu jugak [juga] salah seorang arwah jugak [juga] lah, tokoh bangsawan juga, jadi mana satu, minah mana, jadi pinjam Minah Alias, Minah Alias ada, minah, Mak Minah perempuan keramat, macam-macam lah, jadi nak kenal-kenal dia tarok [letak] nama Minah Yem jadi itulah. Jadi arwah ibu abang namanya Norsiah ya Norsiah, Norsiah binti Ibrahim dan tok abang namanya, tok abang, arwah bapak [bapa] abang namanya Ali, Ali bin Ahmad. Itulah nama bapa dan mak abang.</p>
MF	<p><b>Soalan seterusnya abang Ebby ialah, boleh saya tahu apa pekerjaan abang Ebby sekarang?</b></p>
ES	<p>Abang sebenarnya <i>full time</i> [sepenuh masa], <i>full time</i> [sepenuh masa] buat itu dan abang <i>full time</i> [sepenuh masa], <i>full time</i> [sepenuh masa] buat, buat lakonan dan untuk pengetahuan, abang ni, abang juga seorang <i>musician</i> [pemuzik]. Sebelum abang mulakan karier abang sebagai ni, abang juga seorang <i>musician</i> [pemuzik]. Lepas tu, baru abang mula cebur dalam bidang nyanyian, lepas nyanyian baru abang cebur dalam bidang lakonan. Jadi apa tadi pertanyaan tadi apa?</p>
MF	<p><b>Pekerjaan abang Ebby sekarang?</b></p>
ES	<p>Abang <i>full time</i> [sepenuh masa], abang juga sekarang ni, abang seorang pengarah, pengarah drama dan juga filem-filem belajar, insya-Allah, filem cuma abang pernah jadi <i>assistant</i> [pembantu] ja [sahaja] dalam cerita ‘Sumpahan Mahsuri’ dan cerita, itu pun sekejap je [sahaja] lah, cerita ‘Marah-marah Sayang’.</p>

<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Boleh saya tahu abang, bilangan adik-beradik abang?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Abang sebenarnya ada sebelas adik-beradik, abang nombor lapan.
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Nombor lapan ya</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	(mengangguk) nombor lapan.
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Nama isteri abang apa?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Nama isteri abang, nama isteri abang tak payah la kot sebab abang tak pernah campurkan kerja abang dengan, dengan orang rumah sebab dia, abang ada satu prinsip begini ya, bila abang bekerja tu - - - jadi dia, dia bidang lain sebenarnya tapi dia, dia adalah dia ada ambik [ambik] dulu, dia dulu di USM [Universiti Sains Malaysia] dia ambik [ambik] <i>fine art</i> [seni halus] jugaklah [jugalah]. dia dulu <i>fine art</i> [seni halus] jugak [juga] tetapi sekarang pekerjaan dia dah pergi ke lain. Dia, dia tak masuk dalam bidang, bidang <i>fine art</i> [seni halus] takdalalah [tiada lah], dia adalah seorang graduan daripada USM [Universiti Sains Malaysia], jadi abang kalau boleh tentang orang rumah ka apa ka abang lebih ke umum je [sahaja] lah, itulah je [sahaja] lah. Jadi abang kalau boleh abang tak nak, tak nak - - - abang memang dari dulu lagi abang tak suka campurkan pasal - - - bila kerja abang adalah kerja abang you know, kerja dia adalah kerja dia dan abang tidak pernah pun nak masuk campur tentang dia punya pekerjaan ka apa cuma abang bagitahu [beritahu] itulah je [sahaja] lah nama dia Marini, itu ja [sahaja] yang abang boleh bagitahu [beritahu].
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Saya minta maaf ya abang Ebby. Abang ada berapa orang anak?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Abang ada dua anak, seorang lelaki seorang perempuan. Masih comel-comel lagi, seorang empat belas [14 tahun], seorang tiga belas [13 tahun] (ketawa).

<b>MF</b>	:	<b>Jadi mereka duduk bersama abang Ebby la ya sekarang?</b>
<b>ES</b>	:	Ya.
<b>MF</b>	:	<b>Apakah yang abang Ebby suka lakukan ketika waktu lapang?</b>
<b>ES</b>	:	Abang sebenarnya - - - abang ni kira dulu kira abang ni <i>extrovert</i> [ekstrovert] tau, keluar tau keluar tapi bila dah mula - - - bila sekarang ni dah ada anak semua kan, jadi abang lebih pada rumah tapi abang boleh ceritakan tentang hobi abang. Hobi abang, abang suka, dululah, dulu suka <i>bowling</i> [boling] apa semua tapi sekarang abang lebih, abang lebih pada memancing, bukan sekarang lah, pada dulu lagipun abang suka memancing, itu abang punya itulah. Takda [tiada] lain dah. Selain - - - yang lain tu duduk kat [dekat] rumah ja [sahaja] lah, suami mithali la kan, asyik duduk kat rumah ja [sahaja] melainkan bila abang kerja. Bila abang perlu kerja keluar barulah - - - sebab apa kalau - - - kesempatan ini abang gunakan, sebab apa bila tidak ada <i>shooting</i> [penggambaran] atau apa - - - sebab bila abang <i>shooting</i> [penggambaran] nanti pergi jauh, lama, kalau episod lagi, kadang bila <i>shooting</i> [penggambaran] di luar, abang kadang-kadang beberapa bulan, dua bulan, sebulan lebih tak balik you know, jadi bila tak ada [tidak ada] apa-apa ni abang lebih banyak di rumah saja lah.

### **TAMAT BAHAGIAN 1**

### **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PERSEKOLAHAN DAN PERJALANAN SENI**

<b>MF</b>	:	<b>Boleh saya tahu abang Ebby bersekolah rendah di mana?</b>
<b>ES</b>	:	Abang sekolah di Batu Road, abang menengah - - - waktu primary [sekolah rendah] abang di Batu Road, di, di Batu Road, Kuala Lumpur. Menengah abang, abang pergi ke sekolah Maxwell, Maxwell School.

<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Boleh abang Ebby ceritakan sedikit tentang pengalaman dan pencapaian abang Ebby dekat sekolah menengah?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Macam mana?
<b>MF</b>	<b>:</b>	<b>Pengalaman atau pencapaian abang Ebby di sekolah menengah?</b>
<b>ES</b>	<b>:</b>	Banyak la peristiwa-peristiwa yang, yang seronok yang tidak you know, sebab abang, abang ni bukan orang senang dulu ya. Abang kira dengan arwah nenek abang bukan senang, orang susah jadi kita, <i>we struggle a lot</i> [kami banyak berusaha] lah you know, tapi bila abang dah mula itu, selepas sekolah hari tu, abang, abang lebih, lebih kepada keluarga abang sebenarnya you know, abang pergi, nak pergi ITM [Institut Teknologi MARA/Universiti Teknologi Mara] lah belajar muzik lah, macam-macam abang buat sebenarnya dekat situ. Tapi bila abang nak ke muzik sekali abang punya guru, yang guru muzik tu dulu di RTM [Radio Televisyen Malaysia] dulu, dia kata, "ebby why are you here, engkau dah pergi sampai approach" you know, dia kata, "ha bila engkau dah pergi, itu, itu takkan engkau nak masuk ipt", rupanya cikgu abang tu mengajar di situ juga. Jadi dia kata, "engkau nak mai sini buat apa, engkau, engkau bawak balik, macam kita, kita dah <i>form</i> [darjah] 5 tapi kau turun balik darjah 1 macam mana" (ketawa). <i>The same</i> [perkara sama], abang akan jumpa pelajaran yang sama jugak [juga] jadi (ketawa), jadi abang kata okay takpalah jadi tu yang abang, abang tak jadilah, tak jadi belajar di itm [sekarang dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA] dululah itu. Sepatutnya abang dengan - - kira cita-cita tu tinggi, cita-cita tu tinggi, konon-kononnya nak pergi ke Berlin, a school of muzik apa semua tetapi kerana kekangan kewangan itu sikit, ada masalah sikit, abang - - jadi tak jadilah impian, impian itu tak jadilah tak dapatlah. Jadi abang dalam situ, abang, abang banyak jugak [juga] yang kira abang dah belajar, <i>arrangement</i> [susunan], <i>music arrangement and all</i> [susunan muzik dan semua] you know. Jadi abang terus, abang, abang pergi <i>pursue</i> [kejar] lain pulak [pula] lah. Jadi sebelum adik tu, abang ceritakan,

		nanti adik itu balik ya.
ES	:	<p>Abang sebenarnya berlakon ni abang tak minat. Abang pernah, daripada kecik [kecil] abang dah berlakon dah. Abang, kecil-kecil abang berlakon dengan - - - di Singapura masa tu tak salah abang, cerita ‘Puntianak Kembali’, cerita ‘Raja Bersiong’ yang dilakonkan oleh Malek Selamat dengan Maria Menado, itu sekejap lah sikit abang keluar. Lepas tu, abang jugak [juga] pernah berlakon dengan arwah P.Ramlee, cerita ‘Jangan Tinggal Daku’, drama rtm masa tu, dulu drama ‘Intan’ abang pernah berlakon dengan arwah, allahyarham lah tan sri. Lepas tu, kemudian bila abang tak, tak minat sebenarnya, tak minat berlakon, jadi bila abang dah kerja apa semua, abang kerja, abang kerja banyaklah sebelum-sebelum tu abang kerja kat [dekat] muzik apa semua, abang dah kerja semua kan, tapi bila abang di, di - - - ada <b>talent scout</b> [pencari bakat] panggil abang untuk main muzik di Merlin Hotel. Abang sebagai seorang pemuzik di Merlin Hotel, sekarang Concorde lah you know. Jadi abang main muzik, main muzik. Lepas tu datanglah seorang itu yang - - - pak Idris Hashim. Tahu pak Idris Hashim siapa. Yang jadi bos dalam cerita tu nasib ‘Doremi’ tu, Tamam Idris punya, Tamam Idris punya bapak [bapa], pelakon, pelakon, kalau tengok cerita-cerita dulu tu, Idris Hashim tu yang berlakon di banyaklah, cerita ‘Doremi’ dia berlakon, lepas tu dalam cerita ‘Anak Bapak’, yang jadi yang, yang, yang bercakap dengan orang pekak tu. Dialah Idris Hashim, dia panggil abang berlakon untuk cerita, cerita ‘Demang Lebar Daun’, ‘Demang Lebar Daun’ di rtm masa tu.</p> <p>Okay lah kerana dia perlukan orang yang boleh bersilat. Dia kata anak muda yang boleh bersilat lah konon masa tu. Jadi di situ abang berlakon dengan Kuswadinata, Tamam Idris, Azlina Aziz, ND Lala. Masa tu semua ada berlakon, cerita-cerita itu. Dan selepas cerita ‘Demang Lebar Daun’, abang dah tak mahu berlakon lagi sehingga Datuk Aziz Sattar panggil abang untuk berlakon cerita - - - sebelum tu abang <b>extra</b> [tambahan] sahaja, abang ikut-ikut sahaja, abang seronok ikut kawan-kawan berlakon tapi dipanggil oleh “engkau</p>

		<p>berlakon ni”, untuk cerita ‘Setinggan’. Kalau tengok cerita ‘Setinggan’ tu, yang jadi jahat empat orang tu, abang salah seorang dia. Kemudian Datuk Aziz Sattar tengok mungkin abang ada bakat, dia panggil abang untuk <i>guest</i> [tetamu] artis dalam cerita ‘Setinggan’. Lepas tu, waktu itu abang pun tengah buat baru album pertama abang, ‘Pahlawan Cangkul’, abang buat itu album, ada orang panggil untuk cerita, untuk, untuk buat album ‘Pahlawan Cangkul’. Jadi selepas itu, abang tak nak dah, dah sudahlah tak nak berlakon panas la apa semua kan, pada abang la itu. Jadi bila abang kerja muzik semua empat jam sahaja, <i>start</i> [mula] pukul lapan [8 p.m] kadang-kadang pukul sebelas [11 p.m], pukul dua belas [12 a.m] dah habis, jadi bila - - - jadi kita rasa sejuk ja [sahaja], malam kerja, kerja dekat hotel, malam tak ada kena panas tak ada apa, jadi kita duduk pula di hotel masa tu, kita diberi penginapan di sana, di hotel Merlin masa tu, sekarang Concorde.</p> <p>Jadi abang tak nak, abang tak [tidak] mahu berlakon lagi dah, jadi bila, bila, bila album abang tu agak jalan sikit, dah mula abang pergi <i>show</i> [pertunjukan] apa semua, jadi sehingga kak [kakak] Habsah Hassan. Jadi Habsah Hassan panggil abang, dia nak, untuk berlakon cerita - - - ni selepas, selepas Datuk Aziz Sattar, Aziz Sattar, allahyarham panggil abang, selepas cerita setinggan. Jadi Habsah Hassan panggil abang untuk berlakon cerita ‘Ali Setan’ itu pun abang tak nak, memang abang tak nak lah, dia kata, “takpa tolong la kakak dik, engkau ni, orang lain panggil engkau nak. Sebab abang baik dengan kak [kakak] Habsah tu, dia macam kakak jugalah, seorang - - - Habsah Hassan ni sebenarnya penulis lirik kalau adik tak tahu, dia seorang penulis lirik, Habsah Hassan, dia panggil. Jadi di situlah bermula, abang ingat lepas tu dah cukuplah, abang tak nak.</p>
ES	:	Okay, sebelum tu abang lupa, masa kecil selepas P.Ramlee tu abang ada berlakon juga dengan Ed Osmera dalam cerita ‘Asmara Kirana’. Tu masa tu <i>black and white</i> [hitam dan putih], masa tu abang kecil [kecil] lagilah, umur dalam sepuluh [10 tahun], sebelas [11 tahun] gitu. Selepas itu, baru kemudian

	<p>kak cha, bila dah besar semua, kak [kakak], abang panggil kak cha la Habsah Hassan ni. Jadi dia panggil abang untuk berlakon cerita 'Ali Setan', jadi di situlah mulanya abang, dah mula tapi <i>quite hectic</i> [agak sibuk] la masa tu, kira abang dengan berlakon, dengan bermain muzik, lepas tu dengan <i>show</i> [pertunjukan] lagi abang pergi kat luar apa semua. Jadi, di situ abang mula, abang mula - - - ye [ya] la bila diberi tawaran demi tawaran dan bayarannya pun agak lumayan, jadi abang berhenti dari bermain muzik. Di situ lah mula karier abang sebagai seorang pelakon tapi menyanyi tetap lah, bila ada <i>show</i> [pertunjukan] abang pergi sebab apa, abang, abang orang kenal sebagai penyanyi mula-mula, jadi ramai tak tahu bahawa abang adalah seorang pemuzik. Abang seorang pemuzik, abang main <i>saxophone</i> [saksofon], abang main <i>flute</i> [seruling]. Ramai yang tidak tahu abang seorang pemuzik, diorang [mereka] tahu abang sekarang ni hanyalah sebagai pelakon. Pelakon dan pengarah [tidak jelas], sebagai seorang pemuzik apa semua diorang [mereka] tak [tidak] tahu. Jadi tu bila abang boleh main muzik, banyak, kebanyakannya kawan-kawan sendiri pun terkejut, "eh", mana yang tahu tu tahu lah. Itulah cerita serba sedikit tentang karier abang sebagai pelakon ni. Jadi kemudian, lepas tu, lepas 'Ali Setan' dah mula dah ada cerita 'Balik Kampung', 'Marah-marah Sayang' dan <i>so on</i> [lain-lain] semua kan, sampai-sampai 'Azizah The Legend'. Kemudian abang tak nak berlakon lagi dah, sebab abang dah, abang dah mula - - - itu, itu, abang cerita tentang filem, abang tak cerita tentang drama lagi. Jadi banyaklah yang abang dah, drama yang abang berlakon juga you know.</p>
ES	: <p>Jadi bila bidang pengarahan ni pulak [pula], yang <i>introduced</i> [perkenalkan] abang, yang kenalkan abang sebagai seorang pengarah, yang abang serba sedikit belajar dengan dia jugak [juga] ialah anak kepada, anak kepada arwah Datuk Jamil Sulong iaitu Anwardi, Anwardi Datuk Jamil, anak kepada Rosnani. Dialah yang mula-mula <i>introduced</i> [perkenalkan] kan abang pada, pada bilang pengarahan ni. Kemudian bila abang keluar daripada situ, abang di itu sambung tu dengan, dengan arwah Yusof Kelana seorang pengarah gerak</p>

		khas dulu. Dia juga seorang pengarah yang orang agak kenal jugaklah [jugalah] dengan Yusof Kelana ni, masa tu abang, abang <i>on and off</i> [buka dan tutup] [tidak jelas 20.43] dengan <i>scope production</i> [skop pengeluaran] masa tu. Jadi kemudian teruslah - - - abang dia suruh abang, ada yang berlakon-berlakon, ada yang mengarah-mengarah, dia suruh, "Ebby engkau mengarah ni", dia macam tu jugak [juga] lah, jadi dengan, dengan Anwardi tu, Anwardi Datuk Jamil, dialah yang banyak - - - dia yang mula-mula perkenalkan abang dalam bidang pengarahan, jadi banyak jugak [juga] yang abang belajar dari dia. Di samping itu, abang <i>collect bit at there</i> [kutip sikit dari sana] dari Dr Ahmad Ibrahim, orang panggil Mat London, presiden FDAM [Filem Directors' Association of Malaysia], arwah Din Bagak, jadi abang belajar situ, belajar sini tapi banyak yang abang belajar daripada Anwardi Datuk Jamil, di situ abang banyak belajar dengan dia. Okay ada apa-apa lagi.
MF	:	Abang ada lakukan apa-apa pekerjaan ke selain daripada bidang seni yang abang ceburi sekarang?
ES	:	Abang <i>full time</i> [sepenuh masa], abang <i>full time</i> [sepenuh masa], di samping abang buat lagu ke apa semua, abang buat <i>recording</i> [rakaman] apa semua, abang adalah <i>full time</i> [sepenuh masa] <i>full time</i> [sepenuh masa] sebab abang tak ada rasa-rasanya takda [tidak ada], takda [tidak ada] - - - sebab dulu abang ada, <i>i have my own company</i> [saya mempunyai syarikat sendiri] jugak [juga] sebenarnya. Jadi abang tak, <i>company</i> [perusahaan] tu dah tak [tidak] ada dah sejak PKP [Perintah Kawalan Pergerakan] ni dah takdalah [tidak adalah], jadi mungkin abang nak, nak start [mula] balik lah. Jadi abang <i>full time</i> [sepenuh masa] abang <i>full time</i> [sepenuh masa], orang kata <i>full time</i> [sepenuh masa] artis lah kira, nak kata pengarah ka, pemuzik ka, abang pun tak tahu, banyak sangat.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PENGLIBATAN/PENGALAMAN DALAM INDUSTRI LAKONAN

MF	:	<b>Abang Ebby boleh ceritakan pada umur berapa kalau, pada umur berapa kalau abang Ebby ingat dan bagaimana abang Ebby dapat libatkan diri dalam industri seni?</b>
ES	:	Umur berapa, kan daripada kecil sebenarnya, daripada, daripada kecil, daripada, daripada <i>Singapore</i> [Singapura] tu abang dah berlakon dah, umur abang dalam berapa tahun masa tu, empat tahun [4 tahun] ka lima tahun [5 tahun] masa tu, abang dah berlakon. Lepas tu dengan arwah Norizan pun abang dah berlakon, cerita 'Puntianak Kembali', abang cuba cari cerita tu dalam Youtube tak jumpa, takda [tidak ada]. Kemudian bila sampai di Kuala Lumpur ni, bila abang dah besar sikit, diorang [mereka] panggil abang untuk berlakon dengan P. Ramlee cerita, cerita 'Jangan Tinggal Daku', lepas tu cerita 'Intan', itu drama, yang filem 'Jangan Tinggal Daku'. Cari filem, Google tengok cerita 'Jangan Tinggal Daku' ada abang tu Ebby Saifullah ditulis kat [dekat] situ. Daripada situlah umur - - - masa tu abang umur dua belas [12 tahun], sebelas [11 tahun] macam tulah lebih kurang.
MF	:	<b>Abang ada apa-apa penerbitan filem yang abang rasa sebagai penerbitan kegemaran abang?</b>
ES	:	Abang sebenarnya macam inilah, abang takda [tidak ada], takda [tidak ada] drama yang apa kegemaran ka filem kegemaran ka takda [tidak ada], sebab apa kita berlakon itu adalah tugas, tugas sebagai seorang artis, yang bila dipilih untuk, untuk berlakon, melakonkan sesuatu watak, jadi kita, kita, kita lakonkanlah watak yang, apa yang dalam <i>script</i> [skrip] tu nak. Jadi macam, macam cerita 'Ali Setan', 'Ali Setan 2', abang kena <b>maintainkan</b> [kekalkan] watak tu, watak daripada, watak daripada 'Ali Setan', itu watak filem yang masih muda dan bila, bila cerita 'Ali Setan 2' tu dah agak dewasa, jadi kita kena bezakan tetapi perangai tu masih tak habis lagi, maksudnya kita kena <b>projectkan character</b> [kegemaran] sebenarnya, tidak ada sebab apa semua pada abang sama, itu adalah suatu tugas sebab apa kalau abang cakap jumpa orang ni, "saya suka la bang cerita, cerita Ali Setan ni", "bagus la cerita ni", "terima kasih" lepas tu jumpa yang

		<p>lain pula dia akan kata, "oh bang saya suka la cerita Balik Kampung la bang" macam tu, jumpa pula yang lain, "bang saya suka cerita Marah-marah sayang", jadi tak nampak tak itu, jadi kita tak, tak boleh satu-satu <i>favourite</i> [kegemaran], kalau kita <i>enjoyable</i> [seronok], <i>enjoyable</i> [seronok] adalah cerita, pada abang cerita, cerita 'Ali Setan' dan 'Marah-marah Sayang' sebab apa itu cerita - - - lagi satu 'Rentak Desa', 'Rentak Desa' tu berlakon dengan Eman Manan apa semua jadi kita dalam, dalam, dalam set tu sendiri, dalam kumpulan-kumpulan artis tu sendiri semuanya, kita - - - pada abang bila berlakon tu, kita rapat, kita jadi macam satu <i>family</i> [keluarga]. Berlakon dengan Ogy [Ogy Ahmad Daud] cerita 'Ali Setan', abang berlakon dengan dia cerita 'Rentak Desa', jadi kita dah jadi macam satu <i>family</i> [keluarga] jadi tidak ada cerita yang pada abang, "ooo aku paling minat cerita ni paling", sebab semua cerita ada kekuatan tersendiri, baik 'Ali Setan', 'Ali Setan 2', cerita 'Balik Kampung', 'Marah-marah Sayang', cerita 'Rentak Desa', cerita 'Azizah The Legend', masing-masing tu ada, ada kekuatan tersendiri, jadi tak boleh abang macam nak cakap "ooo" cerita apa abang paling minat, tak ada [tidak ada].</p> <p>Abang berlakon tu sebab - - - bila abang lakonkan suatu [sesuatu] watak tu abang adalah watak dalam lakonan tu, abang bukan diri abang sendiri kat situ, bukan, abang bukan Ebby Saifullah, bila berlakon abang bukan Ebby Saifullah lagi. Abang adalah watak yang abang lakonkan, watak yang dalam lakonan tu sendiri, jadi tak [tidak] ada, tak [tidak] ada - - - jadi pada abang biasalah, itu nanti terpulang pada penontonlah, penonton, peminat-peminat filem apa ka yang tengok cerita, diorang [mereka] minat okay, "oh abang saya suka". jadi kita, kita, "ooo okay watak ni maknanya kena, lakonan aku okay". Jadi apa yang kita, kita bila kita berlakon, kita dah dapat <i>script</i> [skrip], bila dah dapat <i>script</i> [skrip] di situ kita kaji <i>script</i> [skrip] tu watak macam mana, jadi kita kena <i>projectkan character</i> [keluarkan karakter] tu macam mana. Kita <i>project character</i> [keluarkan karakter], dia ni macam ni, okay aku nak buat perangai ni macam ni, jadi ni macam ni, minat dia macam mana, <i>habit</i> [kebiasaan] dia apa, dia suka garu kepala ke apa, jadi benda tu kita kenakekalkan di dalam lakonan tersebut. Apa lagi?</p>
MF	:	(berdehem) Dalam bidang lakonan, abang Ebby ada pilih seorang <i>role model</i> [teladan] ka untuk abang contohi?

ES	<p>Abang macam inilah, semua, kira semua pelakon-pelakon abang sendiri ya nak cakap. Abang dalam tu, abang banyak yang - - - nak kira <b>role model</b> [teladan] ka, abang suka banyak sebenarnya, bukan seorang sahaja, takda [tidak ada], sebab apa, pada abang, pelakon-pelakon dulu adalah pelakon-pelakon yang hebat, Rahim Razali misalnya, Eman Manan, Ogy Ahmad Daud, Azmil Mustapha, lepas tu Abu Bakar Omar dan banyak lagi you know. Pelakon-pelakon yang waktu dulu Ed Osmera semua, jadi abang suka tengok lakonan diorang [mereka], jadi abang tengok, “ohh ni” - - - jadi abang pernah pula berlakon dengan Rahim Razali cerita 'Rentak Desa' dan abang pernah pulak [pula] mengarahkan dia dalam cerita, abang lupa cerita tu. Lepas tu abang pernah pulak [pula] mengarah <b>script</b> [skrip] yang ditulis oleh Datuk Rahim Razali, jadi banyak yang abang tengok <b>character-character</b> [karakter-karakter] yg abang cakap “eh”, abang kaji di situ dulu macam Hussein Abu Hassan, Latiff Borgiba, Mahmud June, jadi abang, abang kaji daripada, daripada lakonan diorang [mereka] tu tengok macam mana diorang [mereka] menjawai watak, macam mana you know, kita ada Fauziah Nawi, kita ada Khalid Salleh sebenarnya, arwah dah tu semua tu, jadi Khalid Salleh secara tak langsung adalah guru abang juga [juga], guru lakonan abang jugak [juga]. Jadi macam mana kita nak, nak ada <b>role model</b> [teladan], pada abang semua <b>role model</b> [teladan] abang. Abang kira begitu, begitu mengagumi lah, mengagumi diorang [mereka] punya lakonan. Kita tengok filem ni lakonan diorang [mereka] macam ni, filem lain, baik watak <b>protagonist</b> [watak baik] ka atau <b>antagonist</b> [watak jahat] ka apa. Dalam filem ni lain, tengok lakonan diorang [mereka], dalam filem ni lain.</p> <p>Minta maaf la cakap sekarang ni, baik lelaki baik perempuan abang tengok berlakon macam tu ja, filem ni macam tu jugak [juga] dia berlakon, nada suara macam tu jugak [juga], nanti drama lain macam tu jugak [juga] lakonan dia, jadi macam mana abang nak itu kan. Jadi abang - - - pasal tu lah abang masih, masih mengagumi lah, abang kagum, tu pasal susah nak dapat pelakon-pelakon macam Eman Manan, Rahim Razali semua you know, Nasir Bilal Khan. Jadi abang agak - - - banyak jugak [juga] yang pernah mengarah, abang mengarah, bila tengok diorang [mereka], bila waktu shooting [penggambaran], abang tengok - - - abang pernah mengarah Eman Manan, abang pernah mengarah Rahim Razali, abang pernah mengarah Mahmud June, Hussein Abu Hassan, Latiff Borgiba, Ed Osmera, begitu jugak [juga] pelakon-pelakon veteran dulu abang kagum, lepas tu abang mengarah pulak [pula] diorang [mereka]. Jadi di situ</p>
----	--

		abang dapat kaji macam mana <i>character</i> [karakter] diorang [mereka] masing-masing, cara, cara pekerjaan diorang [mereka] apa semua. Jadi macam mana kita nak cakap - - jadi abang pandang tinggi semualah, abang tak ada satu-satu “oh ni role model” tak [tidak] ada. Abang cuma kalau luar negeri tu, macam abang Al Pacino [tidak jelas 31:11] semua jenis-jenis orang-orang yang macam gitu [begitu] yang abang rasa, Marlon Brando semua kan, jadi abang suka tengok diorang [mereka] punya lakonan. Apa lagi?
MF	:	<b>Semasa abang dalam bidang lakonan, abang ada menggunakan apa-apa loghat, pengalaman abang menggunakan loghat apa-apa?</b>
ES	:	Macam mana maksudnya?
MF	:	<b>Loghat macam loghat Kelantan, loghat Jawa.</b>
ES	:	<i>So far</i> [setakat ni], <i>so far</i> [setakat ni] takda [tidak ada] lah, abang belum dapat lagi, belum dapat lagi drama-drama atau filem yang macam begitu. Loghat-loghat ni semua tak [tidak] ada lah tapi kadang-kadang bila mengusik, dalam cerita tu mengusik ka, loghat Terengganu ka, Kelantan ka, apa semua itu adalah, sikit-sikit lah. Jadi untuk, untuk abang jadi orang Kedah ka, jadi orang Kelantan ka, orang Terengganu ka belum lagi. Abang tak ada, tapi semua tu abang boleh bercakap, baik Kedah ka, baik apa ka, Kelantan, Terengganu ka abang boleh bercakap. Dah banyak tempat abang <i>shooting</i> [penggambaran].
MF	:	<b>Boleh abang ceritakan watak yang setakat ni abang rasa paling mencabar?</b>
ES	:	Paling mencabar pada abang watak dalam, dalam filem 'Azizah The Legend'. Di situ - - - jadi arwah - - - penulis <i>script</i> [skrip] tu sendiri, iaitu arwah Osman Abadi. Dia kata “Ebby mai sini bapak nak, bapak nak engkau lakonkan watak ni”. Saya kata, “macam mana”. Dia kata, “gila tak gila, cacat tak cacat, bodoh tak bodoh. Jadi macam mana nak buat. Jadi, jadi abang tunjuk dulu dengan dia. Saya kata, “okay bapak, saya buat macam ni boleh tak”, jadi dia agak, “ha, ha bapak nak macam ni, watak kau macam ni”. Jadi abang kekalkan watak tu di dalam filem 'Azizah The Legend'. Dalam

		macam serius, watak serius pulak [pula] cerita 'Jacket Biru' arahan Ariff Shah dalam itu. Itu kena abang jadi polis, jadi kena, kena di situ agak, agak serius sikitlah watak dia. Konon-konon polis yang menyamar sebagai seorang penyeludup, jadi ada nakal dia sikit, konon-kononnya untuk buat penyamaran lah. Penyamaran sebagai seorang penyeludup apa semua kan. Di situ tapi biasalah kalau watak serius tu biasa buat, cuma yang bila diberi watak yang paling mencabar pada abang cerita 'Azizah The Legend', itu mencabar sikit. Dia nak suruh, dia kata suruh abang jadi bukan gila, tak bodoh, cacat otak tak cacat otak, macam mana abang nak bawa watak ni, jadi tu lah, buat <i>character</i> [karakter] dekat rumah dulu apa semua, pergi jumpa dia, saya kata, "okay bapak, bapak tengok ni, karakter saya macam ni, boleh ka tidak", dia cakap, "ha, ni boleh, ni boleh, ni boleh, ni bagus". Jadi di situlah abang buat macam-macam, yang pada abang yang agak mencabar.
MF	:	Setakat yang kami dengar, dikatakan industri hiburan ni penuh dengan tekanan, stress. Abang Ebby ada apa-apa tips [tip] ka untuk para-para...
ES	:	Dia macam inilah pada abang, pada abang, kita, kita bila kita dah dalam, dalam ini, dalam ini, kita kena terimalah semua, nak-nak sekarang ni dengan macam-macam, you know yang adik dengar apa semua kan, kata ini lah, macam ini lah, artis datang lambat lah, you know, artis ambil dua kerja lah apa semua. Pada abang senang aja, dia ambil dua kerja tu dia tak ada disiplin sebenarnya. Dia fikirkan perut dia ja, dia tak fikir orang yang menunggu apa semua kan, itu kan. Jadi cuma kita kena itulah, orang kata, "if you can't stand the heat, get out of the kitchen" habis cerita, senang sahaja. Jawapan pada abang, paling senang. Tapi pada abang, bila abang mengarah, abang dah bagitahu [beritahu] dulu, "kalau kau ada kerja lain, kau jangan ambik projek aku ni", sebab apa, semua ada <i>signature</i> [tandatangan], ada <i>sign</i> [tandatangan], ada, ada <i>contract</i> [kontrak] kan tapi kalau nak buat jugak [juga], terima sahaja la akibat dia nanti, itu ja lah. Sebab kita sekarang ni pakai <i>lawyer</i> [peguam] sahaja. Bagi abang, "engkau buat tak betul ja, abang saman saja lah", itu sahaja lah. Berapa yang engkau dapat, mungkin engkau akan kena bayar lagi lebih daripada berapa yang engkau mintak [minta]. Macam tu ja, lebih senang. "if you can't stand the heat, get out of the kitchen", habis cerita. Tak tahan dalam ni tak usah berlakon, tak usah masuk dalam bidang ni lah, habis cerita. Jadi abang tak mahu cakap pasal orang lain, sebab

apa, masing-masing bila berlakon - - - berlakon kan bila berlakon, itu diorang [mereka] ambil sebagai *profession* [kerjaya]. So *profession* [kerjaya] diorang [mereka] adalah seorang pelakon. Bila jadi pelakon, ambil berlakon jadi *profession* [kerjaya] korang [kau orang], korang [kau orang] kena jadi profesional.

Rezeki ni kan Allah Taala yang bagi, tak payah ambil dua, tak payah ambil tiga, tak payah. Allah Taala kata rezeki engkau ada dekat sini, itulah rezeki kita. Kalau rezeki kita, rezeki, Dia kata, "ini secupak beras, itu rezeki engkau Aku bagi", kita syukur sudah. Jangan kita tamak nak pergi ambil, ni ada lima cupak, aku pergi sekejap ada lima cupak, sepuluh cupak, aku ambil semua. Jadi yang engkau menyusahkan orang tu macam mana. Orang yang dalam set tu, tunggu, tunggu, tunggu tak sampai. Orang dah sampai pagi, nak-nak kita berlakon dengan pelakon veteran pulak [pula] tu, dia dah sampai pagi, engkau datang pukul sebelas [11 a.m], pukul dua belas [12 p.m], dah petang, kita nak *shooting* [penggambaran], nak ambil kau, jadi macam mana. Adil ka kita sebagai seorang manusia yang berfikiran waras, adil ka kalau kita buat macam tu. Bila veteran tu makna orang tua. Adil ka kau pada orang tua tu. Hormat, hormat engkau di mana. Ni pelakon ni, sebelum engkau berlakon, dia dah berlakon berpuluhan, beratus drama, filem dia dah berlakon. Engkau ni pelakon *overnight* [satu malam] ja, hari ini engkau popular, dua tahun, tiga tahun dah habis naik, turun, dah habis. Jadi di situ yang abang pegang. Jadi pelakon-pelakon veteran ni - - - itu macam, kita, kita abang tak mahu la, orang kata, nak buat tak tentu dengan pelakon-pelakon veteran sebab apa bila abang sendiri seorang pengarah, bila abang mengarah, jadi abang jaga diorang [mereka] ni, jaga pelakon-pelakon veteran ni, abang jaga, bukan hanya pelakon veteran, pelakon, siapa yang berlakon bawah abang semua abang jaga. Jadi *make myself proud* [buat diri abang bangga], untuk jadi artis, aku seorang artis, jadi kita layan diorang [mereka] sebagai seorang artis. Walaupun abang artis dalam tu tapi di situ, abang adalah seorang pengarah, abang adalah seorang bapak [ketua] di dalam *production* [produksi] tu. Jadi tak kira muda, tak kira tua - - - tu pasal abang jarang panggil *extra* [tambahan], walaupun dia berlakon tempelan ka, orang selalu panggil *extra* [tambahan], abang tak panggil *extra* [tambahan]. Abang panggil seorang pelakon ataupun artis, "okay, silakan". Jadi kalau kita tak hormat diri kita punya tu, macam mana kita nak hormat orang tua, macam mana orang lain nak hormat kita, betul tak.

	<p>Beginu juga, kehidupan biasa lah, macam biasa juga, kalau kita bukan artis pun, kalau kita tak hormat orang, bila orang nak hormat kita. <b>Respect</b> [hormat] ni kita kena <b>earn</b> [dapatkan], kita kena <b>earn respect</b> [dapatkan rasa hormat] ni. Jadi kalau kita tak buat orang, orang tak berani buat kat [dekat] kita, orang tak nak buat kat [dekat] kita, nampak tak kan. Jadi kita kena macam beginu. Macam abang, abang sendiri pun punya, punya itu - - - <b>punctuality</b> [ketepatan masa] salah satu kriteria untuk berlakon dengan abang lah. Jadi kalau engkau berlakon ini, engkau terima saja lah. Bukan satu sahaja, kru-kru abang semua macam gitu juga. Abang tak bercakap nanti <b>assistant</b> [pembantu] abang dengan <b>assistant director</b> [pembantu pengarah] abang, dua ja bercakap. Mulut diorang [mereka] dengan kru semua agak-agak cili padi sikit semua. Kalau bercakap tu, telinga dengar tu pedas. Abang tak cakap apa-apa, sebab apa kalau abang cakap senang sahaja. Abang cakap, kalau abang bercakap abang suruh dia keluar saja, abang tukar artis. Ingat ya, yang, yang membuat artis-artis ni popular adalah peminat. Jadi peminat, banyak saja peminat tak tahu sebenarnya latar belakang artis tu macam mana sebenarnya. Jadi kita sebagai - - - dalam <b>production</b> [produksi] kita tahu, takkan kita nak cerita, tapi jangan la sampai kita bercerita. Bila kita bercerita masuk media dah tak guna dah. Itulah, senang sahaja. Banyak lagi artis-artis yang sebenarnya masih itu yang - - - ini kebanyakan nya yang cebisan saja lah yang hanya popular dua, tiga, empat tahun sahaja, selepas ini hilanglah kau. Tapi kami alhamdulillah orang masih cari juga kami lagi, kami masih <b>maintain</b> [kekalkan] sebab, kerana apa, kita hormat orang, kita hormat <b>director</b> [pengarah], kita hormat <b>upper</b> [orang atasan], jadi di situ, hormat, hormat sebenarnya. <b>The keyword is</b> [kata kunci adalah] hormat, <b>respect</b>. Jadi dengan <b>director</b> [pengarah] ka, dengan siapa sekalipun, kita jangan tunjuk kita ni artis, takda [tidak ada] sebab kalau tak ada peminat, habis. Engkau pun tak ada. Sekarang kebanyakan macam beginu lah, yang abang dengar dan yang abang tahu. Banyak pertolongan artis-artis, artis manusia juga pada abang cuma diberi kelebihan untuk kau kerana, Allah Taala beri kelebihan kerana engkau boleh berlakon dan bukan kerana minat nak jadi pelakon.</p>
MF	:       Soalan seterusnya, kita akan masuk dalam industri lakonan drama. Apakah drama pertama yang abang telah lakonkan?
ES	:       (ketawa) Adik, abang berlakon drama daripada kecil dah beratus, beribu, mana abang

		nak ingat (ketawa), yang abang ingat, abang berlakon dulu dengan Osman Hafsham cerita 'Anak Tatangan'.
MF	:	[Angguk]
ES	:	Abang ingat yang itu tapi sebelum tu ada lagi. Sebelum 'Anak Tatangan' tu ada lagi. (ketawa) Abang ni <i>memory lost</i> [hilang ingatan] sikit, bila dah tua dik you know. Drama, drama itulah, drama yang abang bagi tu, abang berlakon masa tu arahan Osman Hafsham. Kalau drama yang dengan cerita 'Intan' tu, abang berlakon dengan P. Ramlee tu di arahkan oleh Zainudin Nordin. Abang tak tahu dia masih hidup atau tidak tapi Osman Hafsham, abang Osman masih lagi lah. Zainudin Nordin, dia adalah pengarah yang abang berlakon itulah - - - agak banyak lagi yang abang tak ingat namanya. Yang waktu kecil abang berlakon. Dulu satu saja, yang ada RTM [Radio Televisyen Malaysia] sahaja. Lepas ni, RTM [Radio Televisyen Malaysia] ni panggil drama ni, lepas tu ini pula panggil, ini panggil, ini panggil, itu panggil semua. Bila ada saja televisyen lain, dah stesen lain pula panggil apa semua, jadi macam mana nak ingat adik, kecil-kecil, berlakon bila panggil, berlakon, berlakon.
MF	:	<b>Jadi pasal drama, abang banyak lupa la ya?</b>
ES	:	Drama, okay mana yang abang ingat abang ingat lah. Jadi diberi pertanyaan, pertanyaan Fahmi tadi, adik punya pertanyaan, sebab drama apa yang pertama. Jadi drama pertama tu abang tak ingat. 'Anak Tatangan' ka, 'Intan' ka, atau sebelum tu drama apa yang abang berlakon, 'Tiga Dara'. Masa tu abang berlakon dengan Rubiah Suparman, lagi siapa eh, apa nama tu, abang lupa pula. Pelakon-pelakon tu abang berlakon dengan diorang [mereka]. Masa tu abang kecil la, abang berlakon, semua, jadi, jadi abang lupa mana satu yang dulu tapi sebelum tu ada juga yang lain lagi, yang dah lupa.
MF	:	<b>Boleh abang ceritakan tak perasaan abang semasa dijemput untuk berlakon dalam drama ?</b>
ES	:	Abang masa kecik [kecil] ka besar? Kecik [Kecil].

<b>MF</b>	:	<b>Masa kecik [kecil] dan besar la, dua-dua</b>
ES	:	<p>Abang sebenarnya masa tu, abang tak fikir tentang, sampai sekarang pun, abang tak pernah menganggap abang ni artis yang orang kenal popular ka apa, abang tak pernah daripada kecik [kecil] abang memang macam begitu. Walaupun jadi penyanyi sekalipun abang tak pernah anggap diri abang popular sebab apa yang penting pada abang ialah cari makan, abang dapat duit. Jadi tak pernah abang taruk [letak] diri abang sebagai seorang artis ka apa, tak pernah abang taruk [letak]. Jadi pada abang bila berlakon abang adalah watak yang abang lakonkan, bila luar abang adalah Ebby Saifullah habis cerita. Faham tak maksud abang macam mana. Itu pasal abang lebih, lebih, lebih suka, lebih suka, jadi diri abang lah. Kita tahu kita ada peminat, kita tahu kita ada peminat, kita tahu kita ada peminat, kadang, kadang, kadang, bila pergi luar orang minta ambil gambar apa, jadi kita <i>oblige</i> [bersyukur], kan kita ambik [ambil] sebab kerana diorang [mereka] adalah peminat kita. Jadi takdalah [tidak adalah] abang rasa diri abang ni ooo aku nak, nak kena sembunyilah, eh takda [tidak ada] masa tu semua, kita bukan Michael Jackson, kan, yang kenal pun <i>Singapore</i> [Singapura], Brunei mungkin, Brunei mungkin lah, Indonesia pun silap-silap entah kenal mungkin tidak jadi jangan berlagak. Jadi artis kat [dekat] Malaysia ni jangan berlagak. Baik penyanyi pun jangan berlagak jadi penyanyi kat [dekat] Malaysia ni. Kat [Dekat] Indonesia pun yang kenal Siti [Dato' Siri Hajah Siti Nurhaliza Tarudin] dengan Shila [NurShahila Binti Amir Amzah] sahaja.</p>
<b>MF</b>	:	<b>Boleh abang bagitahu [beritahu] tak watak yang paling mencabar masa drama?</b>
ES	:	<p>Drama ada cerita satu cerita yang abang satu tu abang, lupa nama cerita tu dan satu tu dari, yang abang itu agak mencabar tu, tu jadi macam orang gila, jadi dia bukan gila sebenarnya itu cerita 'Hero Waterfront', nama cerita tu 'Hero Waterfront'. Lagi satu tu dulu sebelum tu abang lupa cerita apa. Lepas tu cerita, 'Amir Amirah', 'Amir Amirah' ni lagi kita kena, kena pakai perempuan pakai apa semua, nak sewa rumah, nak sewa rumah konon-konon dia tak [tidak] terima lelaki jadi kami tukar jadi perempuan. Pakai baju perempuan, pakai</p>

		<p>rambut palsu, pakai skirt la pakai apa kononnya kan, pakai kain ketat la apa pergi, tu [itu] cerita Amir Amirah. Lagi satu, lagi satu cerita tu abang lupa, dia, jadi orang gila, abang jadi macam pakai compang-camping apa semua, lalu depan Patama dulu semua, itu kan dulu Sogo belum ada lagi, lalu depan Patama apa semua kan, jadi semua, "Eh ebby saiful dah jadi gila la" dia kata kan, ada yang bagi duit, ada yang tolong bagi abang duit, bagi duit, abang ambikla [ambil lah] duit tu [itu], ada yang datang nak bercakap, "Cik-cik jangan bercakap dengan abang, abang tengah berlakon ni" dia kata, "Mana", dia cari pulak [pula] kamera, pasal kamera sembunyi, jadi abang terpaksa buat filem macam gitu [begitu] pasal dia tengok Ebby Saiful kenapa jadi macam gini [begini]. Pakai selipar sebelah lain sebelah lain, lepas tu baju koyak seluar koyak apa semua kan, dengan muka dengan apa, bagi kotor muka semua kan tapi ada peminat yang kenal, bila terlepas ja, "Eh ni Ebby, tu bukan Ebby Saiful ka kenapa teruk dah dia, dah jadi gila ka dia sampai macam begitu ada". Jadi abang bila kamera tak nampak, kamera disembunyikan jadi abang seorang-seorang ja abang berlakon, <i>cross</i> [lintas] jalan, jalan kat [dekat] depan Patama apa semua, jadi macam begitu. Itu salah satu. Lagi satu tu watak tu, dia, dia adalah seorang yang kaya tapi kerana, kerana masalah apa entah jadi dia jadi macam, macam orang gila, <i>collect</i> [kumpul] plastik sampah apa semua. Dia <i>collect</i> [kumpul] plastik sampah tu sebenarnya dia buang, buang dalam tong sampah, itu satu pengajaran lah untuk, untuk, untuk orang-orang semua. Jadi itulah watak-watak, yang tiga watak yang abang rasa agak mencabar lah kira.</p>
MF	:	<b>Abang Ebby ada apa-apa petua ka atau tips [tip] untuk membantu anak-anak muda yang nak mula dalam...</b>
ES	:	Dia macam ini lah pada abang, okay untuk <i>tips</i> [tip] ya, untuk <i>tips</i> [tip] kalau siapa yang konon-kononnya nak berlakon ka, bukan berlakon sahaja dalam bidang apa sekalipun, yang paling penting adalah kita punya <i>dedication</i> [dedikasi], <i>commitment</i> [komitmen] kita dalam sesuatu kerja bukan hanya berlakon ya, ingat ya, baik kita kerja apa sekalipun, kita kena, <i>commitment</i>

[komitmen] kita kena ada lepastu [selepas itu] ***dedication*** [dedikasi] kita kena ada, disiplin dan jangan lupa ***respect*** [hormat]. Bila kita hormat pada orang, orang hormat pada kita kan, bila kita jaga kerja kita, kita buat kerja dengan betul, insya-Allah Allah cakapkan, tapi [tetapi] jangan lupakan Allah Taala, doa (ketawa) itu kena yang penting yang paling pertama lah, utama lah. Kalau kita takda [tidak ada] tu semua tok [tidak] sahlah [usahlah], lupakan lah, baik kita kerja ka, belajar ka, apa ka, dari segi pelajaran pun apa you know, kalau kita takda [tidak ada] benda-benda tu [itu] semua, lupakan lah, pergi diskon lagi bagus ka apa ka kan (ketawa). Jadi, itulah itu abang pegang pada situ saja lah, pertama kita ada, kita punya ***dedication*** [dedikasi] kita pada kerja, ***commitment*** [komitmen] kita pada kerja, ***respect*** [hormat] kita, ***punctuality*** [ketepatan masa], ha itu pasal, masa penting, masa itu adalah sangat penting, jadi kalau janji, abang selalu macam begini lah, kalau katanya ***call time*** [masa panggilan], abang panggil ***call time*** [masa panggilan] pukul lapan [8 a.m] misalnya, orang panggil ***call time*** [masa panggilan] pukul lapan [8 a.m] waktu abang berlakon, kata ***call time*** [masa panggilan] pukul lapan [8 a.m], tujuh setengah [7.30 a.m] abang dah [sudah] ada di lokasi, abang dah [sudah] ada di ***location*** [lokasi] situ. Jadi kita takda [tidak ada] tunggu siapa-siapa. Jadi bila, bila itu arwah nenek abang, arwah tok, abang suruh bagi abang itulah sebabnya ini dari ***tips*** [tip] daripada diorang [mereka] lah, pesanan daripada diorang [mereka], “Kau nak duduk dalam ***line*** [bidang] ini, jadi masa tu ingat, jangan bagi orang tunggu kita, kita tunggu orang takpa [tidak apa] sebab itu adalah kerja kita”, sebab apa kerja kita takda [tidak ada] berkat, kalau mati tak [tidak] guna jugak [juga] betul tak, kan.

Begitu jugak [juga] adik dengan kawan-kawan kan, janji, itu pasal keluar istilah janji Melayu, mana ada takda [tidak ada], Melayu tak [tidak] janji macam tu, ha, Melayu kita sebenarnya tepat janji, sekarang ni sahaja diorang [mereka], itu saya cakap janji Melayu macam ni, takda [tidak ada] Melayu tak [tidak] janji macam tu. Kalau kata kenapa, kenapa harus kena datang lambat, sebab kau bangun lambat, itu saja, kalau pagi itu kau bangun lambat habis

cerita. [tidak jelas 53:02]. Kalau engkau kerja pukul lapan [8 a.m], katanya kena hadir pukul lapan [8 a.m], kalau kita bangun selepas subuh bangun pada pukul enam [6 a.m] ka, kita dah [sudah] siap-siap, kita pergi, kita pergi kerja masa tu tak jem [sesak] pun betul tak kan. Kita boleh sampai sebelum pukul 8 kita dah sampai, kita agak-agak lokasi apa *location* [lokasi] berapa "Tempat ni jem [sesak], kita fikir lah, kan *common sense* [naluri]. Kalau tempat ni *jem* [sesak], okay aku kena keluar pukul berapa, Lima setengah [5.30 a.m] ka, enam [6 a.m] ka aku kena keluar jadi aku sampai sana ngam-ngam [cukup-cukup] tujuh setengah [7.30 a.m] nampak tak. Itu saja *very simple* [sangat senang] senang ja kan, kita *organizekan* [aturkan] diri kita lah, jadi diri kita susun diri kita lah, macam mana.

Kalau-kalau kata pukul lapan [8 a.m], engkau datang pukul sembilan [9 a.m], pukul sepuluh [10 a.m], "Oh *jemlah* [sesaklah]", tok sah [tidak usah] tipu lah kan, benda ni [ini] semua menipu, engkau bangun lambat (ketawa), bangun lambat, bila kau bangun lambat, kau nak keluar pukul lapan [8 a.m] dengan *jem* [sesak] itu kau sampai pukul sembilan [9 a.m], pukul sepuluh [10 a.m] sampailah, tapi kalau kau *earlier direct* [tepat waktu], bangun pergi, bangun awal, kita sampai lokasi sebelum tujuh lebih [7.30 a.m], silap-silap pukul tujuh [7 a.m] kita dah sampai. Duduklah dalam kereta, rehat nak buat kerja apa, tengok, baca *script* [skrip] ka apa, waktu tu kan ada, sampai-sampai semua dah [sudah] siap semua dah [sudah] ada. Di situ timbulnya rasa hormat orang pada kita, dia cakap, "Alamak, eh Abang Ebby dah sampai, pagi dah sampai", nampak tak [tidak] di situ. Begitu jugak [juga] dengan kawan-kawan adik nanti, kawan-kawan, konon-kononlah nak buat apa-apa ka, nak buat *project* [projek] apa-apa ka, besok pukul lapan [8 a.m] jumpa kat [dekat] sini, kalau kita awal datang, kita awal datang, pukul tujuh setengah [7.30 a.m] kita dah sampai, kawan-kawan lain datang, "Ohh alamak dia ni, dia sampai dulu", jadi orang, timbul dekat situ rasa hormat orang pada kita, nampak tak [tidak], ini *tips* [tip] pegang lah tu abang cakap ni insya-Allah akan selamat hidup kau, mak bapak [bapa] pun mesti sayang punya.

MF	:	<b>Baik. Okay abang Ebby sebagai seorang seniman yang telah lama lah mencebur dalam bidang lakonan ni kan dalam masa yang lama, apa pandangan abang Ebby terhadap bidang lakonan zaman sekarang?</b>
ES	:	Macam mana dik [adik]?
MF	:	<b>Abang Ebby sebagai seorang seniman yang dah lama la kan, mencebur dalam bidang lakonan ni, filem drama, apa pandangan abang Ebby untuk, dalam industri lakonan ni pada masa sekarang ni?</b>
ES	:	Abang sebenarnya sekarang ni abang tak berapa itu sangatlah, tak berapa sangat itu sebab apa, baik lagi pelakon, ada pelakon-pelakon yang bagus ya pada abang ya, ada pelakon-pelakon yang bagus tetapi itulah lontaran suara dari sini lain (tunjuk mulut) bila dari jiwa tak ada, kita boleh tengok drama tu macam tu ja [sahaja] lah, kan, faham tak. Kalau dulu-dulu tu lain sikitlah, tu pasal abang masih, abang macam, abang kalau tengok drama tu abang tengok dia ni, takda [tiada] jiwa dia ni berlakon ni, setakat itu saja. Kalau marah sendiri pun, marah sendiri pun kita tak perlu nak pekik kalau kita marah. Ada yang marah menggunakan mata sahaja kan, ada marah, dia tak pekik tapi dengan nada suara dia tu, orang tau [tahu] dia ni marah ni, nampak tak itu. Dia senang macam ni lah kita ada banyak guru-guru lakonan sebenarnya ya, yang abang [tidak jelas], kita ada Fauziah Nawi sebenarnya kan, kenapa kita, kita jangan rasa kita ni bagus, kan ambik [ambil] <i>tips</i> [tip] daripada diorang [mereka]. Macam abang sendiri, abang tip, macam abang ambil, macam daripada, Khalid Salleh, yang dulu pernah abang bertanya pulak [pula] pada Ahmad Yatim [Md Yatim Talib], Ahmad yatim itu semua adalah pelakon-pelakon yang baik, Rahim Razali, semua pelakon-pelakon yang bagus, Eman Manan semua jadi kita, kena mintak [minta] <i>tips</i> [tip] dengan diorang [mereka] ni sebenarnya, jangan kita rasa kita bagus, kita berlakon ni oo banyak peminat, banyak peminat, jangan kerana, kerana muka kita ja. Muka oo, muka dia ni lawa minat berlakon, diorang [mereka] kata minat sahaja sebab apa banyak

baca majalah, ooo dia ni keluar tentang dia, jadi minat, tetapi isu lakonan tu sendiri.

Tengok la drama-drama sekarang, tengok mana ada Fauziah Nawi berlakon ke kan, Eman Manan berlakon, tengok cara diorang [mereka] berlakon macam mana. Nasir Bilal Khan ka apa, tengok dia berlakon, cara diorang [mereka] berlakon macam mana. Tengok macam mana cara diorang [mereka] *deliver dialogue* [ucap dialog] macam mana. Jadi di situlah, bila berlakon dengan diorang [mereka] pun ambik [ambil] kesempatan untuk belajar. Duduk dengan diorang [mereka], baca *script* [skrip] ka apa ka, duduk, minta *tips* [tip] daripada diorang [mereka]. Jadi tak [tidak] ada, abang rasa tak [tidak] ada banyak kita, banyak kita itu, banyak pengalaman kita belajar kan, kita mintak [minta] tips [tip], banyak lagi kita dapat pengalaman, banyak lagi, banyak lagi ilmu yang kita dapatlah bila kita, bila kita tak [tidak] malu bertanya, banyak ilmu kita dapat. Jadi jangan kita rasa kita ni *popular* [terkenal], *popularity* [terkenal] ni, macam, macam, kecantikan jugak [juga] dik [adik], *it's only skin-deep* [Itu tidak berkekalan]. Masa ni oo kau muda, kau masih cantik, dah tua haram, bukan begitu, hancur apa semua, Allah Taala tu ambik [ambil] sikit, sikit, sikit Allah taala ambik [ambil] (batuk). Jangan lupa sebab apa satu masa ni kau buat, kau buat dengan, orang sekarang nanti bila kau dah tua kau akan berlakon jugak [juga], masih berlakon lagi, jangan lupa nanti pelakon-pelakon baru nanti akan, akan buat, apa, akan buat pulak [pula] pada kau begitu, sebab apa, tanpa hormat orang pada orang sekarang ni, insya-Allah, Allah taala akan balas, ha kan itu kau rasa pulak [pula] sekarang macam mana rasa diri kau.

*So far* [Setakat ini] alhamdulillah [tidak jelas] masih orang banyak, banyak yang muda-muda pun banyak masih respect [hormat] apa semua kan, masih hormat juga begitu kan, jadi alhamdulillah, pegang, pegang yang abang, *tips* [tip] ni, pegang saja lah, abang pun dah [sudah] jarang berlakon dah, bang [abang] mengarah ja, abang bila kadang-kadang nak berlakon abang pilih tengok dulu *script* [skrip], abang rasa *script* [skrip] ni mengarut, abang tak payah la cakap, aku sibuk, gerak dulu, jadi abang banyak, banyak lebih pada

pengarahan abang sekarang tu *because* [sebab] abang kadang-kadang dah malas, lagipun dah tua kan, malas nak berlakon nak tukar baju, nak ini nak itu lagi, abang rasa penat, dah berpuluhan tahun punya kerja, penat ja abang rasa. Berlakon sekarang, banyak kadang-kadang orang panggil *theater* [teater], abang pergi, *theater* [teater] kan pasal *theater* [teater] tu, di situ sebab apa kita kena tumpukan sebab pada *show* [pertunjukan] tu nanti, *theater* [teater] ni, dia tak ada *cut-cut* [berhenti-berhenti], atas *stage* [pentas] kita *cut* [berhenti] ja kita *blank* [lupa] mampus [habislah] kita kat atas sana. Kalau ada *prompter* [pemengang isyarat] tolong baca takpa [tidak apa], ni takda [tidak ada], kita kena ingat sendiri, habis, *miss* [lupa] satu dialogue [dialog], kita, kita menghuru harakan pelakon di sebelah pun dia nak cakap, dia nak jawab apa, nampak tak di situ, jadi, balik pada disiplin balik, kita kaji balik, balik pada disiplin balik. Bila kita baca script [skrip], kita buat latihan, jadi insya-Allah, semua akan, akan, akan Allah Taala tu atur lah semua insya-Allah, baik la jadi semua.

Kalau kita, oo ni *scene* [adegan] ni, aku nak kena, kita kata masuk - - - ada la dulu la pelakon tu, dia berlakon dengan abang, dia berlakon, *script* [skrip] ni dia baca *script* [skrip] yang, yang, yang, yang drama lagi satu. Tu [Itu] abang cakap kau baca *script* [skrip] apa ni cakap macam tu. Sampai jadi macam oo alamak, dia tersalah, ada jugak [juga] sebenar tapi tak payah abang sebut namalah, ni aib orang jugak [juga] kan, tak [tidak] elok. Ha jadi macam gitu, ada pernah, ada jugak [juga] dia berlakon sini, lepas tu dia baca *script* [skrip] yang sana, dia baca kat sini, dia keluarkan kat sini *dialogue* [dialog], geli hati abang, pala hotak kau [jangan ikut kepala sendiri], cakap kau baca script [skrip] apa (ketawa). Jadi benda-benda sering terjadi sebenarnya. Abang cakap bukan kerana abang reka ya, ni sebab, ni pernah, pernah terjadi, terjadi pada set abang, waktu abang mengarah dulu, jadi itu sahajalah *tips* [tip] balik, pada abang yang bercakap tadi tu kan, *commitment* [komitmen] kita, dedikasi kita macam mana, disiplin kita, pastu [lepas tu], yang penting, *still* [masih] abang cakap abang ulang lagi *respect* [hormat], *respect* [hormat] pada kawan, *respect*

[hormat] pada kerja, kita *respect* [hormat] pada semua, pada kita punya *co-star* [pelakon bersama] kita semua kan, tu bila kita ada rasa hormat pada diorang [mereka] macam tu, jadi kerja kita akan lancar, nampak tak. Bila dia datang pukul lapan [8 a.m], kau datang pukul dua belas [12 p.m] kan, bila berlakon dengan dia pulak [pula], kena *pair* [sepasang] dengan dia pulak jadi, dia punya, dia punya membungkam tu, dia tengok muka kau pun menyampah. Kalau sepasang, kena jadi sepasang kekasih, dalam hati tu, kepala hotak kau [jangan ikut kepala sendiri], kau datang lambat, jadi, jadi nak jadi kekasih macam mana, faham tak.

Kalau jadi, tu [itu] kalau tengah marah tu boleh lah jadi, memang dia keluarkan betul-betul, nampak tak. Jadi bila, bila kita ada hormat pada kerja, pada kerja kita, kita hormat jugak [juga] pada kerja orang, nampak tak. Eh dia ni, kita ni, kita ni, kita ni berlakon bersama, kalau dia dah sampai aku sampai lambat ni, jadi macam mana. Satu hari, mintak [minta] maaf la lambat, takpa [tidak apa], takkan besok [esok] mintak [minta] maaf lagi, kan. Jadi maaf ni sekarang dekat bibir ja lah, tak [tidak] dari hati, kalau macam dari hati punya maaf lain, dia kata maaf, mintak [minta] maaf sangat, jadi besok [esok] dia tak buat lagi, ha sekarang ni punya maaf lain, ha maaf la, sorry ya sorry, sorry, bila sorry tu harini, besok sama juga jadi, buat, buat sama jugak [juga]. Jadikan, jadi, jadikan inilah, jadikan, pada abang ni kira, *sort of an advice* [sejenis nasihat] ya pada adik-adik semua mana yang dengar semua kan, macam begitu, pegang itu semua insya-Allah selamat hidup kita.

### TAMAT BAHAGIAN 3

## BAHAGIAN 4: PENGLIBATAN/PENGALAMAN DALAM INDUSTRI PENERBITAN

MF	:	Sejak bila abang Ebby mula jadi pengarah?
----	---	---

ES	:	Abang mengarah sejak tahun 80-an lagi. Dah <i>late</i> [lewat], <i>late</i> [lewat] 80-an dah, nak masuk ka [ke], nak masuk ka, 90-an begitu 87-an, 88-an, begitu lah, abang dah mula, dah mula dah itu.
MF	:	<b>Boleh abang...</b>
ES	:	Sebenarnya abang tak nak jugak [juga] jadi pengarah ni, abang tak nak mengarah, tapi kerana, kerana masa tu abang mula, bos abang, itu, abang kerja dengan Double Vision masa tu ya, jadi Anwardi ni dia bahagian Melayu dan dia yang suruh, dia yang ajar abang banyak, dia kata, “okay now”, dia kata, dia nak abang mengarah. Jadi jutaan terima kasih juga abang ucapkan pada itulah, kerana perkenalkan abang dalam bidang pengarahan ni dan dia juga banyak sampai dia bagi abang buku tu, buku untuk, untuk belajar, belajar tentang bidang pengarahan ni semua, dia bagi abang buku semua. Jadi abang tak [tidak] dapat ke luar negeri, abang dapat buku dari luar negeri pun cukuplah alhamdulillah lah, sebab dia pergi belajar kat [dekat] luar, macam tulah [itulah], jadi, <i>late</i> [lewat] lah, dah, dah masuk ka 87-an, 88-an begitu abang dah start [mula], dah <i>start</i> [mula] mengarah.
MF	:	<b>Boleh abang Ebby ceritakan tentang perasaan abang Ebby dan pengalaman abang Ebby semasa mengarah filem pertama.</b>
ES	:	Macam mana?
MF	:	<b>Boleh abang Ebby ceritakan tentang pengalaman abang Ebby mengarah dan filem pertama yang pernah abang Ebby mengarah.</b>
ES	:	Filem abang belum mengarah lagi...abang belum dapat buat filem lagi ya...Cuma abang pernah jadi <i>assistance</i> [pembantu] tadi abang cakap tadi... <i>assistance</i> [pembantu] dalam cerita “Sumpahan Mahsuri” ya.

	Pengarahnya ialah Dato...[berfikir], arwah Allahyarham Dato Haji Jamil Sulong...dan abang adalah penolong pengarahnya. Itu filem “Sumpahan Mahsuri”...dan cerita “Marah-Marah Sayang” waktu mereka nak balik daripada nak keluar daripada rumah tu... masa tu <i>director</i> [pengarah] abang sakit. Dia tidak sihat waktu itu. ‘Ebby tolonglah Ebby last ni tolong buatkan’ jadi begitulah abang buat, abang mengarah disitu. Waktu nak keluar rumah, abang mengarah lah. Lain itu semua drama lah. Banyak yang abang buat. Kita pernah juga buat Joinventure dengan <i>company</i> [syarikat] dari Jepun. Itu cerita apa abang dah lupa dah...dengan pelakon jepun dan pelakon kita. Ada juga lah abang berlakon jugalah <i>time</i> [masa] tu.
MF	: Seterusnya...
ES	: Pengalaman biasa lah adik. Pengalaman biasalah sakit hati ada, geli hati ada semua...kalau untuk menceritakan satu per satu, sampai esok pagi tidak habis. Jadi banyak sebenarnya suka duka dalam bidang pengarahan ini semua. Cuma bila kita jadi pengarah di satu-satu production, kita perlu terima semua apa yang datang, kerana kita diberi amanah oleh <i>producer</i> [penerbit] untuk mengarahkan satu-satu drama ni. Jadi kita perlu terima tanggungjawab sepenuhnya. Bagaimana kita nak buat, benda ini tiada, itu tiada, dia tidak hadir, dia ini sakit, jadi bagaimana kita mahu susun. Itu kerja pengarah dan penolong pengarah dan juga kesinambungannya. Itu tiga (3) orang itu memang akan pening kepala apabila dalam satu-satu drama...drama atau production. Itu baru telemovie ke apa kan, belum episod, itu lagi sakit. Jadi beban itu diterima oleh pengarah, penolong pengarah dan <i>continuity</i> [kesinambungan], penjaga kesinambungannya. Itulah yang paling pening sekali, mereka tiga (3) orang. Sebab itu lah abang angkat topi, tabik kepada penolong pengarah abang dan juga <i>continuity</i> [kesinambungan]. Apabila sudah sampai ke bidang <i>editor</i> [penyunting], ianya sudah mudah, mereka sudah tiada, cuma abang sahaja yang patut hadir untuk dengar. Itu tugas

	<p><i>editor</i> [penyunting] pula. Banyak sebenarnya tugas pengarah ni berat sebenarnya. Zaman sekarang, ramai orang ingat pengarah ini senang, pengarah ini bukan sahaja <i>action and cut</i> [mula dan berhenti], ingat ya, banyak lagi tugasnya. Bukan sekadar duduk dan <i>action, okay, cut</i>, [mula, baik, berhenti] bukan. Abang bukan pengarah <i>action, cut</i>, [mula, berhenti] kerana abang juga adalah seorang pelakon dimana kalau pelakon itu tidak ‘sampai’ jadi abang kena tunjukkan, jadi kalau kita bukan pelakon, bagaimana kita mahu tunjukkan bagaimana yang kita mahukan. Jadi jangan tipu abang lah sama ada kau ‘sampai’ atau tidak. Kau menjiwai watak atau tidak, jangan tipu, kerana abang tahu kerana abang juga adalah seorang pelakon. Begitulah maksudnya, ceritanya. <i>Okay</i> [baik] apalagi adik....</p>
MF	<p><b>Boleh abang Ebby ceritakan tentang apa-apa kesukaran yang pernah abang Ebby hadapi semasa mengarah.</b></p>
ES	<p><i>Okay</i> [baik] dia kadang-kadang macam ini, dia pertama sekali yang kita tidak boleh buat apa-apa adalah tentang cuaca. Kadang-kadang ada juga tempat yang kita sewa, rumah ke apa, kita perlukan rumah tu, cantik rumah ini, kita pakai. Kita sudah bagitahu sudah kadang-kadang yang kita <i>shooting</i> [penggambaran] sampai pukul 12 atau 11 begitu, jadi tidak boleh bising, kebetulan pula kadang-kadang tuan rumah itu ada anak kecil, ada dua (2), tiga (3) tahun dia pekik-pekit jadi bila kita minta tolong diam, jadi mereka ada tarik muka sedikit, juga ada bercakap ‘kata pukul 12’, sedangkan itu belum pukul 12 lagi. Jadi benda-benda itu yang kita kena hadapi. Kadang-kadang tentang lokasi...lokasi satu-satu tempat itu...mahu ambil mula-mula kita nak <i>shooting</i> [penggambaran] disitu...<i>okay</i> [baik] keadaan dia macam ini, tiba-tiba apabila sampai esok masa nk <i>shooting</i> [penggambaran], mereka pergi potong semua pokok atau rumput...jadi kena shooting balik begitu. Kadang-kadang ada pelakon <i>extra</i> [tambahan] tidak ‘sampai’...tiada <i>extra</i> [tambahan] pula...tiba-tiba <i>extra</i> [tambahan] itu jadi</p>

	<p><i>customer</i>[pelanggan]...hahaha [ketawa]...kadang-kadang kita nak <i>shooting</i> [penggambaran] dah <i>booking</i> [tempah] bot nak <i>shooting</i> [penggambaran] kat laut...dah <i>booking</i> [tempah] bot, sekali semua apabila dah <i>shooting</i> [penggambaran] satu (1) <i>scene</i> [babak] dua (2) <i>scene</i> [babak] pakai bot itu, esok dia pergi cat pula bot itu...bot itu dia pergi cat pula nak cantik...sebenarnya tidak boleh sebabnya dia sudah kesinambungannya bot dia tidak cantik. Jadi tiba-tiba datang balik bot dia jadi cantik...jadi kita kena <i>reshoot</i> [penggambaran semula] balik...jadi...itulah pengalaman yang pernah abang hadapi...jadi disitu kepala kita kena cekap...bagaimana nak buat...itu bergantung pada pengarah lah bagaimana nak buat. Itulah suka duka yang ada dalam bidang pengarahan.</p>
MF	: Seterusnya, apakah yang paling abang Ebby banggakan dalam kerjaya abang setakat ini?
ES	: Macam mana?
MF	: Apakah perkara yang abang bangga dalam kerjaya abang setakat ini.
ES	; Abang...macam abang cakap tadilah, setiap kerja abang, abang bangga pada setiap kerja yang abang buat, drama ke apa ke, abang akan rasa bangga sebab apa...abang berjaya menyiapkan sesuatu drama dan bukan hanya satu (1) ya, sebab apa beratus drama...bayangkan lah daripada tahun 80-an tu dulu sampai sekarang ni kan...itu kita kira drama sahaja...belum kira episode <i>you know</i> [awak tahu] ...mungkin ribu la...tapi abang tidak tahu...tidak cerita apa...'eh ini aku punya drama...eh ini aku punya cerita'...jadi kita lupa kat situ. Jadi setiap kerja yang kita buat kita bangga lah...abang tiada spesifik 'satu (1) drama ni aku bangga...satu (1) ni...' tiada abang cakap. Sebab apa yang kita buat kita akan bangga...'aku berjaya menyiapkan ini...dan ini

		<p>adalah hasil kerja aku'...jadi kita tidak boleh jadi ada <i>favouritisme</i> [pilih kasih]... ‘aku suka drama ini...aku suka drama ini...aku lebih suka drama ni’...itu kau <i>direct</i> [mengarah]...ini pun kau <i>direct</i> [mengarah] juga...kalau buruk yang ini kau juga yang <i>direct</i> [mengarah]...kau juga yang mengarah...kalau ini berjaya...kau juga yang mengarah...sama juga lah...macam dulu pernah buat cerita apa ini dekat itu...tapi...itu bukan....kita buat waktu tu adik tiada lagi...cerita zaman komedi “Gaduh-gaduh”....kami lah yang pertama yang buat cerita macam tentang <i>satire</i> [sindiran] komedi ini semua...daripada Azwan Jamil punya idea lah yang kita buat tu. Selepas itu baru timbul “Jangan Ketawa”...ke apa benda ke sekarang ini ada banyak...dia yang pertama sekali keluar “Gaduh-gaduh”...itu cerita komedi la...bukan cerita...itu <i>satire</i> [sindiran] la...kita ambil <i>part</i> [bahagian] ini sikit, <i>part</i> [bahagian] ini sikit...kita buat begitu. Jadi kita seronok bila benda itu berjaya bila <i>four years in the running</i> [berjalan selama 4 tahun] pun orang seronoknya...begitu...kita rasa <i>proud</i> [bangga] apa semua kan...bila kita keluar buat drama ini orang kata itu ini...jadi kita rasa bangga...jadi sebab itu abang cakap, tiada spesifik yang kita boleh banggakan sebenarnya...semua benda abang rasa bangga, begitu juga dengan lakonan...filem ke apa ke...orang puji semua abang <i>okay</i> [baik] Alhamdulillah...kita rasa bangga lah...macam orang kata...macam adik cakapkan tadi...mana yang abang banggakan...tiada bangga pun...semua abang bangga...kalau seribu drama abang <i>direct</i> [mengarah], seribu drama la abang bangga...faham tidak maksud abang...setiap kerja yang kita lakukan, syukur Alhamdulillah kita rasa bangga...sebab Allah Taala bagi ilham kepada kita untuk menyiapkan kerja itu...faham?</p>
MF	:	Faham.
ES	:	Alhamdulillah.

MF	:	<b>Selama abang Ebby sudah menceburi dalam bidang mengarah ini, apa strategi yang abang gunakan untuk mendapatkan pasukan yang cekap.</b>
ES	:	<p>Dia begini, kita tahu sebenarnya kita, bila kita berlakon, bila kita sudah berlakon, berapa banyak cerita kita sudah berlakon... ‘eh, kru ni baguslah’... ‘pekerja-pekerja ni bagus’...jadi abang simpan...abang bukan hanya ada satu (1) pekerja...pekerja-pekerja ni...maksud abang teknikal kru, <i>production</i> [penerbitan] kru, bukan hanya satu (1) kelompok sahaja...tidak...apa-apa berlaku sahaja abang tanya mereka...abang nak mengarah...abang tengok kru ni tiada, teknikal kru ni tiada, dia ada <i>shooting</i> [penggambaran], abang ambil yang ini pula...tetapi jangan ada lima (5) kelompok...ada lima (5) orang <i>cameraman</i> [jurukamera]...dia punya kru semua bagus...kalau ini tiada, abang ambil ini...kalau ini tiada abang ambil yang ini...jadi disamping berlakon, abang perhati juga...tengok juga kerja mereka bagaimana...dari segi <i>lighting</i> [pencahayaan]...dari segi <i>punctuality</i> [ketepatan masa] mereka...<i>punctual</i> [menetapi masa] mereka bagaimana semua...jadi abang perhatikan disitu. Jadi bila abang mengarah, abang Tanya mereka, ‘kau lepas ni ada buat apa-apa ke?’, ‘takde bang, kenapa?’, ‘aku ada projek lepas ni aku nak ambil kau’, ‘okay bang boleh bang’...nampak tidak? Jadi kita tahu bagaimana...kita yang pilih sendiri bagaimana untuk pekerja yang baik...tapi <i>so far</i> [setakat ini] ini, mana yang bekerja dengan abang semua baik-baik...memang bagus lah, rajin...abang cakap ‘kamera dari atas longkang ni’, ‘boleh bang, tiada masalah’... ‘abang nak kamera dari atas pokok tu boleh?’, ‘boleh bang’...tiada yang kata tidak boleh. Jadi disitu orang kata dedikasi...kepada kerja...jadi sebenarnya banyak <i>cameraman-cameraman</i> [jurukamera-jurukamera] yang baik-baik...yang bagus...yang kerja tu memang bagus...jadi kita tahu yang mereka ini bagaimana sebenarnya...sampaikan satu (1) <i>cameraman</i> [jurukamera] abang tu sudah meninggal...tinggal lagi empat (4) <i>group</i> [kumpulan] masih ada lagi...Kalau abang berlakon lagi abang panggil lah...abang mengarah nanti abang panggil</p>

	lah. Kalau tidak dapat yang ini, abang panggil yang ini, begitu la...siapa yang <i>free</i> [lapang] lah.
MF	: Baiklah, seterusnya ialah, sebagai contoh selama abang Ebby mengarah, terdapat apa-apa masalah seperti projek tidak berjalan, tidak ikut apa yang dirancang, apa yang abang Ebby buat untuk selesaikannya?
ES	: Tadi abang sudah cakap, disitulah kebijaksanaan seseorang pengarah, penolong pengarah, dan juga penjaga kesinambungan... <i>continuity</i> [kesinambungan]...disitu kita kena keluar idea bagaimana kalau ini tiada, ini tidak dapat...tiada ini bagaimana...apa nak buat...begitu... ‘okay abang nak kau cari ini boleh tak?’... ‘okay, kau tukar ini’...jadi disitu lah kita nak tambah <i>scene</i> [babak] ke apa ke...kita perlu buat begitu...ada yang kadang-kadang dia tertinggal baju...jadi kita bagaimana kita nak buat ini... <i>okay</i> [baik] cari pula <i>scene</i> [babak] lain... ‘takpe bang, suruh runner ambil baju tu di rumah, kita buat scene ini dulu’...jadi kesulitan-kesulitan itu semua...bagaimana pun perlu atasi juga...tidak boleh biar...kerana apabila kita sudah sampai satu (1) tempat, kita perlu habiskan disitu satu (1) tempat. Tidak boleh awak buat ni, selepas itu awak datang balik sini...itu kita tidak mahu...itu akan merugikan <i>producer</i> [penerbit] juga...contoh kan...jadi kita kena jaga lah...kita kena jaga <i>producer</i> [penerbit] kita juga...sebab itu abang lebih suka...seronok berlakon diluar daripada KL (Kuala Lumpur)...kita tidak akan mengalami masalah kesesakan jalan, <i>jammed</i> [sesak], <i>whatever it is</i> [apa pun itu]... <i>who knows</i> [siapa tahu]...abang suka diluar...sebab apa diluar ...semua ada disitu...macam abang buat cerita episod abang buat di Pulau Perhentian...semua pelakon abang bawa...mana yang ada di <i>scene</i> [babak] tu semua ada disana...jadi semua tidak lari...tidak lari daripada situ...petang abis petang siap semua boleh mandi...boleh <i>enjoy</i> [menikmati]...malam ada <i>shooting</i> [penggambaran] malam, <i>okay</i> [baik] baru kita <i>shooting</i> [penggambaran] malam...kalau tidak...tiada...kita

rehat...semua rehat jadi...pagi...tidur awal...pagi-pagi semua sudah bangun...jadi kita sudah boleh mula...pagi-pagi kita sudah boleh mula...nampak tidak?...jadi tiada masalah...tiada masalah tentang kesesakan jalan ke apa...tiada. Dekat sini lain...nanti ini datang lambat, ini macam ini...sebab itu abang lebih suka *shooting* [penggambaran] di luar...buat penggambaran di luar...luar daripada...abang pernah buat juga di Muar dahulu, dahulu *shooting* [penggambaran] dekat Muar...berapa kali sudah pernah *shooting* [penggambaran] dekat Muar. Jadi semua dekat situ...disitulah...abang ulang balik...disitulah *director* [pengarah] kene banyak...kena pandai menguruskan dan menyelesaikan masalah bila kita jumpa situasi yang sebegini. Jadi bukan senang sebenarnya mengarah ni...orang ingat senang dia duduk *action, cut* [mula, berhenti] sahaja...tidak...banyak yang dia kena hadapi itu. Kadang-kadang ada pula yang sakit...jadi bagaimana...bukan semua sihat. Kalau semua sihat itu Alhamdulillah kita *confirm* [pasti] tidak mengapa. Kalau bila artis yang sakit...macam mana?...jadi macam mana kita nak *shooting* [penggambaran]...jadi kena buat ini dulu. Cari sesuatu yang kita boleh buat dahulu. Tanpa orang yang sakit itu. Kita *shooting* [penggambaran] yang itu dahulu... *scene-scene* [babak-babak] yang...babak-babak yang...tanpa orang yang sakit itu. Macam tu lah juga kan. Jadi kita kene cekap dekat kepala ni kene bekerja sahaja terus. Kadang-kadang tidur pun esok nak buat apa...orang dah tidur, kita belum lagi. Esok *scene* [babak] apa nak buat, babak apa nak buat...esok apa semua kan. Jadi benda-benda begitu kita pengarah...orang lain dah tidur dah...kan...baca skrip ke apa...selepas tu nak tidur, tidur...tapi pengarah dengan penolong pengarah yang itu tidak ada, duduk dulu... *okay* [baik] 'esok apa kita nak buat' 'okay ni kena ada' 'ni kena ada'... *propman* [jurualatan] semua...sebabnya daripada atas sampai kebawah semua adalah penting ye, tidak ada yang tidak penting baik-baik pelakon sekali pun jadi itu pasal pelakon itu kena ingat...kan...bukan dia sahaja yang penting dalam itu, tidak...kan. Kena hormat juga...dia datang balik kepada *respect*

[hormat]...kan abang ada cakap mengenai *respect* [hormat]...hormat juga pada pekerja-pekerja lain...Nampak tidak begitu...daripada *driver* [pemandu] nya...kan...daripada penjaga propnya, tukang apa ni [berfikir]...buat air ke apa...semua adalah penting. Jadi kita kena hormat pekerjaan mereka...jadi bukan kita ini artis...ooo aku nak ini aku dapat...minta maaf cakap dia...masuk dalam abang punya *production* [penerbitan]...tiada...semua sama. Kau artis ke, kau kru ke, kau apa...semua abang layan sama. Tiada kelebihan, tiada kekurangan...kan. Cuma artis kalau macam nak minum apa...kau kena hantar...yang buat air...yang buat makanan apa semua kan...dari pagi abang pesan...ingat ye, kalau artis disitu, pergi tanya dah makan ke belum?...nak makan ke tidak?...nak minum apa semua... pergi Tanya...begitu juga dengan tukang apa ni [berfikir]...prop ke apa ke...bukan prop la macam...kea pa kan...dekat situ yang ada...bila artis diri tengah panas...dia kita sediakan satu (1) payung...aku nak kena sediakan satu (1) payung...sebab apa, bila dekat situ, kau pergi sebelah dia duduk...bawa kerusi, bawa payung...bagi dia duduk dan kau payungkan dia... Nampak. Jadi disitu lah pada abang untuk kalau kita sendiri tidak hormat kan...artis kita, kita tidak hormat...orang luar tengok macam mana...kan. Kesian dia diri dekat panas-panas macam ini. Jangan duduk dekat sini...kan. Nampak tidak? Jadi benda-benda itu kena ada. Ya. Itu pasal abang cakap begini...setiap pekerja dalam *production* [penerbitan] abang adalah penting...mereka adalah orang yang penting didalam *production* [penerbitan] abang. Semua. Tidak ada satu (1)...tiada...sudah. Dia ni dia *runner* [tukang hantar] sahaja tidak perlu ini.....tidak boleh...kan...semua kena...semua...maknanya ...bermaknana adik nanti kalau adik...masa depan nanti kalau kau ada buat sesuatu...kan... bila kita dekat *office* [pejabat] pun kita bos kan...daripada atas sampai ke bawah... *cleaner* [tukang bersih] kita pun penting sebenarnya. Nampak tidak? Jangan la adakan apa ini [berfikir]... ada *gap* [jarak], tidak mahu...kan. Tidak mahu ada *gap* [jarak]. Jadi sama kan semua. Kau kerja ini, haa kau *respect* [hormat]

	masing-masing lah...kan. Haa tu kan balik kepada <i>respect</i> [hormat] balik kan. Nampak tidak? Hormat kena masing-masing...ini buat apa... <i>okay</i> [baik] hormat dia...dia buat apa <i>okay</i> [baik] balik kepada hormat balik. Kan. Macam dedikasi ke...kan <i>dedication</i> [dedikasi], komitmen ke apa semua...itu semua kita...itu pada kita...pada diri masing-masing... tapi <i>respect</i> [hormat] tu...kan. Kerja buat apa...kau buat <i>okay</i> [baik] kau buat. Ini kerja kau. Ini kerja kau. Tapi kita <i>respect</i> [hormat] pada semua. Dalam satu (1) <i>office</i> [pejabat] kita <i>respect</i> [hormat] semua...haa Nampak tidak? Kan selamat kita kerja. Kan. Bila masing-masing ada saling menghormati, jadi...kerja-kerja jadi senang. Kan.
MF	: Boleh abang Ebby senaraikan tidak filem atau drama terbaru yang telah abang terbitkan?
ES	: Adik...yang abang buat dahulu...[berfikir]...selepas...sebelum PKP(Perintah Kawalan Pergerakan) adik. Banyak adik, abang sudah...hahaha [tertawa]...susah tu kau suruh senaraikan lah...susah lah...susah nak cakap...abang ini ada memori <i>problem</i> [masalah] juga sebenarnya. Dia bila...itu...kita sudah...bila kita sudah bertahun tinggal...kan...jadi semua itu...abang ingat yang <i>last</i> [terakhir] sekali abang buat apa ya.[berfikir].....[berfikir]...sekejap...siapa berlakon...Remy Ishak...Izairah Zulkifli tu yang berlakon...lagi siapa lagi ya...siapa sebenarnya tu yang abang ingat, sebelum-sebelum tu...mana yang dahulu tu abang sudah lupa sudah. Begitu. Tapi yang sebelum...sebelum itu...selepas mengarah itu abang buat teater lah...teater pokok. Dengan Haliza Misbun, Buyung Zasdar dan Rahim Jailani. Itu yang abang buat...tu yang abang ingat la pasal baru lagi. <i>Last</i> [terakhir] sekali itu abang ada di Kedah sepatutnya nak buat cerita apa ini... “Perang Musuh Bisik”...sepatutnya...18 Mac tahun berapa ya masa itu kita PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) kan masa itu. Jadi kami tersangkut di Kedah selama tiga (3) hari disitu. Haa kalau lah pergi

jumpa polis kan...nak balik macam mana ni nak balik KL (Kuala Lumpur), hotel pun nak tutup sudah semua. Tidak boleh keluar. Kan...jadi kita lah penghabisan yang duduk didalam hotel itu...kita pun keluar balik sahaja, hotel itu pun tutup. Nampak? Dia buka pun kerana kami ada disitu lagi. Kan. Bayangkan la dekat Kedah pun nak beli makan susah macam mana...kan. Jadi terpaksa balik. Kita balik pun macam balik sampai KL (Kuala Lumpur) macam KL (Kuala Lumpur) macam KL (Kuala Lumpur) dilanggar roda...kan...kosong sahaja KL (Kuala Lumpur) kan...nasib baik ada...masih ada Grab lagi... Grab ada kan...panggil Grab la balik...kalau tidak, jalan kaki balik rumah. Kan. Benda-benda macam itu lah ya. Itu lah, yang abang ingat ada yang berlakon apa siapa ya...Remy Ishak, Izairah... lagi siapa ya [berfikir]...tengok la pelakon pun abang lupa sudah yang abang ingat Remy Ishak sahaja. Pasal...itu satu (1)...disiplin memang baik...terbaik la pada abang...kan. Dia sakit-sakit dia demam cirit-birit pun ‘tidak mengapa boleh bang’...abang halau dia suruh balik...dua (2) hari cuti... ‘kau pergi cuti’ dia cakap...dua (2) hari abang bagi dia cuti. itu...ambil contoh la pelakon-pelakon baru ini ambil contoh pada Remy Ishak lah. Begitu. Kan. Datang tidak pernah lambat. Remy Ishak ini datang tidak pernah lambat...datang kalau kita kata pukul lapan (8) tu sebelum pukul lapan (8) dia sudah ada...kan. Kalau...kalau apa ini...kalau dia tengah sakit waktu itu dia demam, selepas itu *shooting* [penggambaran] dalam hujan. Bayangkan dia demam...dia demam selepas itu dia cirit-birit...dia nak berlakon juga...abang halau dia suruh balik... ‘tidak mengapa abang, saya boleh abang, saya boleh’, ‘eh takde takde kau balik, kau balik’ abang cakap begitu. Kan. Abang suruh dia balik. Abang masih...abang takut nanti masa itu tengah sibuk apa...denggi kan...masa itu kan...abang takut dia denggi ke apa...kena hujan lagi kan. Jadi Alhamdulillah lah dua (2) hari itu dia *okay* [baik]. Dia datang balik. Itu pun badan dia tidak berapa sihat... ‘boleh ke adik, kalau tidak kau ambil cuti lagi.’ Jadi dia pun cakap tidak mengapa boleh...jadi kita pun habiskan *shooting* [penggambaran]. Itulah satu-satu

anak muda yang pada abang...abang boleh angkat topi lah...Remy Ishak ini salah satu daripadanya. Kan. Itu memang bagus. Dia memang baguslah. Lagi satu itu Bel...Bel Ngasri...kenal tidak Bel? itu lagi satu itu...dia sampai sahaja...dia sampai dia duduk dalam kereta dia rileks dahulu. Dia tidur ke apa dulu ke. tu nampak. Itu...itu memang anak seni betul lah. Kan. Bapa dia pun apa semua kan. Tu dia...tu memang itu. Abang puji lah mereka. Memang bagus lah. Banyak lagi sebenarnya kan kalau nak sebut satu-satu nama kan. Aman Graseka, Nasir Bilal Khan apa kan...Eman Manan susah cerita lah. kan. pukul lapan (8) sebelum pukul lapan (8) dia sudah tercepat sudah dekat situ. kan. Jadi bila kita ambil pukul berapa nak *shooting* [penggambaran] baru kita ambil dia datang...jangan datang dahulu. Kita tidak bagi dia datang. kan. Apa yang lain-lain itu dia nak duduk sama... ‘aku nak duduk sini’ dia kata... kan. ‘aku nak duduk kat situ’...dia nak duduk situ...duduk lah. Sambil itu...kan. Mereka ni...mereka ini sebenarnya suka bercampur. kan. Suka bercampur, tetapi kita lah kena ambil peluang sebenarnya... kan. Ambil peluang pada mereka untuk minta tips. kan. Jangan kita ambil dekat luar...dekat luar panas kan...habis sahaja sini, masuk dalam bilik...masuk dalam kereta...pasang *aircond* [penghawa dingin]...jadi tips dia ni yang mana kalau kau panas, kalau takut panas, tidak usah berlakon lah. Kan. Kita berlakon nak kena panas. Tunggu dekat luar. berlakon dalam rumah kena lampu panas juga. Ya. Benda-benda macam ini...itu lah abang cakap itu kena fikir lah. Jangan jadi *selfish* [pentingkan diri] lah kan. Kau fikir diri kau sahaja. Tidak boleh. kan. Kalau pelakok-pelakon yang ada nama besar semua kau tidak kesah, kan. Kau orang yang baru nak cipta nama pula macam-macam pula...Allah letih abang. Cakap begitu kan. kan. tapi abang cakap adik abang seorang itu Remy Ishak itu memang bagus puji lah. kan. Sampai orang cakap apa pun...cakap *no* [tidak]...cakap begitu. Abang cakap ‘*no,no,no*’ [tidak]...Remy memang bagus. kan, dia memang bagus. Dia disiplin ‘A’ la pada abang. kan memang bagus. Disiplin dia memang bagus. Pada abang lah. Yang veteran-veteran itu susah cerita lah. Itu sudah memang

	'A+' sudah semua. kan. Itu lah. <b><i>Okay</i></b> [baik] ada lagi?
--	---

#### TAMAT BAHAGIAN 4

#### BAHAGIAN 5: PENGLIBATAN/PENGALAMAN DALAM INDUSTRI MUZIK

MF	:	Kita masuk dalam <i>section</i> [bahagian] muzik boleh abang Ebby?
ES	:	<b><i>Okay</i></b> [baik] boleh.
MF	:	Bagaimana abang Ebby boleh libatkan diri dalam bidang nyanyian?
ES	:	Bidang nyanyian ini sebenarnya abang...abang memang suka daripada dahulu lagi sebab abang punya...apa ini...adik-beradik abang ya...abang...abang punya abang itu dahulu dia...dia dahulu ada buat album masa dia kecil dahulu. Lagu ‘selamat pagi cikgu’ [menyanyi]...selepas itu ‘manusia...’[menyanyi]...itu abang punya abang...ya...jadi abang punya bapa dia seorang <b><i>musician</i></b> [pemuzik] dia jazz <b><i>musician</i></b> [pemuzik] di Singapore dahulu. kan. Tapi abang tidak minat itu semua sebenarnya. jangan terkejut eh, abang tidak minat. Abang tidak minat...Abang tidak minat muzik, abang tidak minat menyanyi, abang tidak...tapi abang boleh menyanyi lah, tapi abang tidak minat berlakon sebenarnya. Abang dahulu kecil-kecil, abang minat jadi askar. . Selepas sekolah tu abang ingat nak masuk RMC (Royal Military College) dahulu. Kan. Tapi arwah nenek abang tidak bagi. sebab tu masa itu komunis masih ada lagi dekat situ, di hutan. Jadi dia tidak bagi abang masuk itu. Jadi abang nak buat apa. kan. selepas sekolah itu abang nak buat apa abang tengok itu lah...abang tengok...itu pun...main gitar, macam biasa, sahaja-sahaja lah. Macam itu kan. jadi timbul...timbul minat abang untuk

belajar, belajar, belajar *arrangement* [susunan] pula...belajar main saksofon...haa kan belajar klarinet lah masa itu kan. jadi abang pernah juga lah belajar dengan...dengan arwah Ahmad Idris seorang pemuzik RTM. Selepas itu arwah Taib Osman, Jabbar Osman...haa kan itu pernah abang pernah belajar juga sedikit-sedikit minta tips dengan mereka yang...yang...arwah Yanto Solman...haa kan. Jadi banyak lah juga guru abang masa itu...kan. Jadi disitu cuma selepas itu abang boleh main sedikit itu...diterima pula bekerja...masa itu di *night club* [kelab malam] melayu lah. Orang panggil itu nak cari...itu cakap ‘boleh cakap bolehlah main sedikit-sedikit’ kan. Sekali tengok abang boleh main...saksofon...jadi diterima dekat situ. Jadi bila abang kerja sudah berapa lama dekat situ...apa ini...ye lah dapat duit kan...seronok lah. Selepas itu, ada pula orang panggil bekerja di Merline Hotel...haa sebagai seorang penyanyi bukan sebagai pemuzik, abang sebagai penyanyi. Jadi abang pergi. *Audition* [ujibakat] dapat. dapat lah jadi apa...jadi penyanyi dekat situ. Jadi disitu semua abang kenal yang *leader* [ketua] itu kenal bapa arwah bapa apa arwah bapa abang pula arwah *band* [kumpulan] leader itu dia kenal. Jabbar Osman itu dia kenal bapa abang semua. jadi dia telefon...telefon semua apa semua arwah Taib Osman pun datang selepas itu...minta ajar abang menyanyi kan... jadi disitu lah abang belajar kena...lah...guru-guru abang semua garang-garang semua dahulu. kan. Jadi macam-macam lah terima dekat telinga ini kita pun diam sahaja lah. Kan. kita nak belajar kan. jadi disitu selepas belajar itu selepas itu timbul...timbul rasa untuk belajar susunan muzik pula. itu abang pergi dekat RTM pula...belajar di RTM abang belajar disana. jadi disitu lah mula karier abang sebagai itu selepas itu belajar...belajar nil ah...belajar semua...apa ini semua muzik apa semua kan... terus abang sudah boleh pula ada kelebihan yang baru disitu. kan. Kelebihan abang ada ye eh berlakon sudah pernah, kan...selepas itu abang sebagai penyanyi pun dekat situ. Selepas itu orang panggil pula untuk buat album. kan. ni seronok-seronok abang buat lagu bukan nak fikir nyanyi pun, abang rasa seronok dapat buat album, buat lah sana lah buat album. kan.

Alhamdulillah jalan pula kan. Boleh pula tu. Jadi terima, diterima....kan. masa angkat pun terima abang itu sebagai seorang penyanyi masa itu. jadi mula lah, selepas dari situ yang mula panggil berlakon cerita ini lah, cerita...cerita Ali Setan lah...Setinggan lah apa semua kan. daripada situ lah mula berlakon. jadi abang daripada 70 berapa abang kerja masa itu abang *start* [mula] awal...start menyanyi apa semua kan...selepas itu sampai lah...sampai lah abang...abang apa...benda ini macam tidak sangka lah...kan benda ini kan. Tidak sangka semua sebab bila...bila sudah banyak sangat berlakon, abang sudah tidak boleh nak bekerja pula, abang tidak boleh *cope* [mengikut] pula *time* [masa] abang bekerja. kan. Jadi abang berhenti bekerja. Berjenti kerja menyanyi semua...semua kan. jadi abang buat *show* [persesembahan]...abang buat *show* [persesembahan] dengan *shooting* [penggambaran] sahaja. kan. Disamping itu ada lah bila panggil untuk main muzik abang pergilah...haa kan. jadi situ lah mula karier abang sebagai itu juga kan...sebenarnya macam itu sampai kita terperanjat kadang...masa itu... ‘kau ni bila...bila kau belajar ni haa...aku tahu kau tiada minat muzik...kau tidak minat menyanyi...kau tidak minat berlakon’...kan. ‘Tapi sekarang tiga-tiga semua dalam tangan kau’. Dia kata kan semua. Haa tu. Haa tapi satu (1) tidak dapat lah...abang nak jadi askar tidak dapat. Kan. Abang yang minat abang tak...hehehe [ketawa]. Haa jadi benda ini...ini kira...ye lah bukan semuanya kita...itu Allah Taala sudah susun...kita kan. Sudah susun apa yang kita...ini tempat kita kan. Semua kan. Ini perjalan hidup kita itu sudah susun sudah. Jadi kita nak hairan apa. Haa kan. Terima sahaja lah. Lahaulawalakuwataillah billah. Haa kan. Terima sahaja lah. Kita kalau apa-apa pun hidup kita serah pada dia, haa kan. apa-apa pun Lahaulawalah...Lahaulawala...itu sahaja la kan. Tidak ada benda lah. Jadi benda tiada...sebenarnya tiada masalah dia kan. Haa kita...kita beserta dengan Allah Taala, Inshaallah Allah Taala atur kita. Habis cerita. Haa kan. Susah kita, senang kita, perit susah kita apa pun benda semua tu Allah Taala yang punya. Haa kan. Jadi kita terima. Janji, ingat dia lah. Haa kan. Kita...dia

		macam cermin la kan, haa kan. Kita duduk jauh kita tengok cermin, jauh lah kita nampak. Kan. Dia dekat, baru kita Nampak...ooo, muka aku macam ini...ooo aku ada jerawat dekat sini. Ini ada semua benda ini dekat sini. Haa kan. Tapi kalau dia jauh macam itu lah juga dengan Allah Taala. Haa kan. Haa dengan Allah Taala kita macam itu juga. Kau tidak ingat aku, kau siapa...kan. Aku ini siapa...haa kan. Engkau itu tiada pun aku tidak hairan, engkau ada pun aku tidak hairan. Nampak tidak? Haa jadi kita kena ingat itu lah. Haa kan. Haa kalau kita tidak ingat dia, apa adik, kita kalau lembu pun...hehehe [tertawa]...nak kata lembu pun bukan...haa kan...hehehe [tertawa]. Haa jadi buat benda itu macam itu kita cakap. Apa-apa pun Inshaallah juga kan. Beserta dengan Allah Taala Inshaallah. Haa kan. Apa-apa pun kita nak buat ke...nak keluar rumah ke nak apa...Bismillah itu dahulu...ingat dekat dia...sebut nama dia dahulu. Haa kan. Inshaallah selamat kita. Haa kan. Kita susah ke, biasalah, itu Allah nak uji kan...makin susah makin Allah Taala uji. Haa itu sebab Allah Taala nak uji kita itu. Haa kan. Haa tapi jangan lupa, disebalik tu dia nak bagi kita apa itu kita tidak tahu. Haa Nampak tidak. Kan. Abang pun dengan arwah nenek pun abang bukan...abang bukan orang senang...orang susah. Haa kan. Tapi dia dah...Allah Taala tu sudah susun...haa kan. Apa untuk apa...apa untuk apa. Kan. Jadi kita nak hairan apa. Ingat dia sahaja. Haa kan. Apa sahaja kita buat, kita ingat dia. Habis cerita. Haa kan. Satu (1) detik kita lupa, sekali bom...hilang sudah haa mati kau. Haa kan. Kau tidak ingat tuhan. Kau tidak ingat aku masa kau mati. Macam mana?...haa kan. Hehehe [ketawa]. Tapi kalau sentiasa kita ingat dia...bom kereta langgar kita...kita mati kita ada ingat dia. Haa kita ingat dekat situ, sudah. Alhamdulillah, Inshaallah. Allah Taala akan selamatkan kita di dunia dan akhirat. Inshaallah. apa lagi?
MF	:	Apa lagu pertama yang abang Ebby nyanyikan?

ES	:	Lagu pertama...[berfikir]...banyak sebenarnya. Bila abang satu (1) album itu, banyak lagu abang ada, dicipta, abang ada cipta lagu...cipta Mengapa harus, "Mengapa Terjadi", "Kata-kata Cinta", haa kan. Yang lain-lain itu composer lain punya lah lagu "Pahlawan Cangkul" ke apa semua tu kan abang tidak tahu lah. Haa kan. Haa selepas itu album kedua abang buat, Rindu, haa kan. Tapi yang bila...bila abang dengan Ogy itu "Kisah Cinta", haa tu keluar lagu yang "Buat Yang Tercinta"...selepas itu abang buat lagu untuk Ogy...haa "Bila Bunga Berguguran" apa semua kan, "Senandung Duka", "Hanya Padamu Saja", haa semua keluar la. Haa daripada situ lah.
MF	:	<b>Bagaimana perasaan abang Ebby ketika itu?</b>
ES	:	Perasaan? Maksudnya perasaan...
MF	:	<b>Sewaktu diberikan peluang untuk menyanyikan lagu tersebut.</b>
ES	:	Abang nak...kan abang sudah cakap biasa. Abang tiada rasa...tiada rasa...tiada rasa abang ini seorang artis pun bukan <i>recording</i> [merekod] artis pun abang rasa... kan abang tidak pernah rasa macam itu. Abang tidak pernah letak diri abang sebagai seorang artis. Haa kan. Abang menyanyi ini...ooo juga... <i>okay</i> [baik] menyanyi... <i>okay</i> [baik] sudah ada album... <i>okay fine</i> [baiklah]...sebab apa masa itu abang bekerja lagi, masih sedang bekerja. Abang masih bekerja abang di...di...di hotel sendiri pun abang sudah menyanyi abang....orang sudah kenal abang dekat situ, abang nyanyi di hotel dahulu orang sudah tahu abang <i>musician</i> [pemuzik] abang menyanyi. Jadi macam mana abang nak letak diri abang...disitu abang sudah ada peminat abang tersendiri masa itu. Haa kan. Bukan satu (1) Malaysia lah, tapi orang yang...orang yang berkunjung ke...ke...ke tempat abang kerja tu kan. Haa

kan. Jadi abang sudah ada peminat tersendiri dekat situ. Kan. Jadi macam mana abang nak letak diri abang...nak rasa bangga ke apa ke...abang semua sama sahaja. Pada abang haa nyanyi...nyanyi lah semua aku dekat album ke aku nyanyi dekat ini sama sahaja. Haa cuma album itu satu (1) Malaysia ramai orang...orang tahu kita nyanyi lagu ini. Haa kan. Haa itu pasal abang cakap...kan abang sudah cakap dah tadi yang abang tidak pernah letak diri abang sebagai seorang artis. Haa kan. Abang, abang letak...bekerja...bekerja abang bekerja sebagai mencari rezeki. Abang begitu sahaja. Haa kan. Abang tidak pernah letak diri abang sebagai seorang pengarah ke apa, haa kan. Ini adalah tugas abang. Hanya Allah Taala bagi rezeki untuk mengarah, *okay* [baik] abang mengarah. Allah Taala bagi rezeki untuk pergi *show* [persembahan], abang pergi show. Haa kan. Macam itu lah. Allah Taala bagi rezeki pelakon, abang berlakon, begitu. Haa tu dia tiada...tiada yang...tiada yang abang rasa...tiada...tiada...tiada apa lah. Abang, tiada rasa apa pun. Tiada rasa apa pun sampai sekarang memang tiada rasa apa...abang nak juga rasa macam mana kalau kita jadi seorang artis ini kan sebenarnya. Tapi kita sendiri adalah seorang artis. Kan. Tapi bila kita tiada perasaan itu didalam kita, kita biasa lah. Ada kan bila semua kita jumpa...apa kita jumpa semua kita anggap kawan sahaja. Haa kan. Kadang ‘woo encik ini...encik ini...nak ambil gambar’...boleh, ambil lah. Nak *selfie* [swafoto], ambillah...ye tiada masalah. Apa hehehe [ketawa]...haa kan. Apa masalah dia...haa kan. Bila dah nak balik tu dah nak..kereta dah nak jalan ke apa benda kan...haa *selfie* [swafoto] sudah tidak boleh dah, haa begitu lah ada dua (2), tiga (3) orang yang selamat dapat ambil, dapat lah...haa sebab abang terpaksa pergi. Haa kan. Kalau masih disitu lagi...em ambillah kau berapa banyak yang kau nak ambil kan. Haa, tiada...tiada hal pada abang langsung lah. Benda ini benda kecil pun. Tiada benda pun. Jadi kalau kita rasa...kita rasa diri kita itu ada sikap...[berfikir], konon-kononnya kita ada sikap...[berfikir], letak belakang kita tu...ah aku ini artis...haa itu sudah jadi lain lah. Haa kan. Itu mesti tidak

		mahu...tidak mahu pandang orang, tidak mahu tegur orang, haa kan. Jangan...pada abang...pada abang itu sahaja, jangan sompong, itu sahaja. Perkataan dia nak letak sebenarnya senang sahaja, kan, jangan sompong lah kau atas itu. Ingat itu. Sekejap sahaja. Kan. Paling dekat Malaysia ini, paling-paling empat (4) tahun lah, empat (4) tahun kau habislah, begitu. Haa kan. Haa tu bila cakap semua, Alhamdulillah sampai sekarang bila pergi pun, haa masih, orang masih ingat abang lagi, orang masih tengok, kan, keluar kadang filem...apa...filem lama-lama masih, orang masih ingat lagi Alhamdulillah. Haa kan. Kita nak hairan apa. Haa kan. Tiada ada benda pun, semua.
MF	:	<b>Seterusnya, seperti yang abang Ebby bagitahu tadi abang Ebby ada bermain alat muzik saksofon betul?</b>
ES	:	Abang boleh main piano, abang boleh main gitar, abang boleh piano, abang boleh main gitar, apa ini saksofon, abang boleh main <i>flute</i> [seruling]. Haa <i>drum</i> [gendang] sahaja abang tidak boleh main. <i>Drum</i> [gendang] dengan ‘bass’ abang tidak boleh main. Yang lain-lain itu Inshaallah lah.
MF	:	<b>Alat muzik kegemaran abang?</b>
ES	:	Apa dia?
MF	:	<b>Alat muzik kegemaran abang?</b>
ES	:	Kegemaran abang sebenarnya piano. Haa tapi abang...abang terbalik, abang tidak belajar terus sebab masa piano itu dahulu abang belajar...abang belajar dengan arwah bapa abang...garang sangat...jadi abang <i>cancel</i> [batal]...abang cari apa yang dia tidak boleh main. Haa jadi bila dia tidak boleh main, abang tidak belajar lah dengan dia. Haa belajar dengan orang lain. Sama juga, garang

		juga, macam itu juga, kawan-kawan dia kan semua. Haa sama juga. Haa kan. Jadi rupanya mereka ini garang kerana apa...kerana nak kita bagus...haa itu sahaja lah. Pada abang lah, kan. Haa semua abang boleh lah...Alhamdulillah lah boleh lah abang boleh main gitar, haa boleh la main piano, haa boleh main <i>flute</i> [seruling], boleh main klarinet, saksofon, Alhamdulillah lah. Haa boleh lah.
MF	:	<b>Boleh abang Ebby ceritakan sedikit tentang kumpulan nyanyian abang Ebby.</b>
ES	:	Abang tiada kumpulan nyanyian. Abang solo.
MF	:	<b>Solo?</b>
Es	:	Kalau <i>group</i> [kumpulan] lain. <i>Group</i> [kumpulan] abang dahulu, <i>group</i> [kumpulan] abang dahulu satu dahulu mula-mula buat dahulu kita ada buat <i>group</i> [kumpulan] “WK Band”. , ada apa ini, kawan-kawan abang dengan Rahim Maarof masa itu satu <i>band</i> [kugiran] dengan abang. Selepas itu abang kerja di Green Mate, ada abang kerja dengan Green Mate <i>group</i> [kumpulan]. kan kalau kumpulan, kumpulan penyanyi abang tiada. Abang solo. Ingat ye, “WK Band”. Haa itu abang dengan Rahim Maarof. Selepas itu Band Green Mate, selepas itu abang di Berlin abang dengan “New Breed”. Dengan “New Breed”. Haa itu semua abang...abang itu semua...apa ini...haa dengan <i>group</i> [kumpulan] abang...di Berlin Hotel dahulu. Dekat situ. Haa. Masa di Berlin dahulu itu pun mula-mula itu haa menyanyi dengan Rohana Jalil, dia ada menyanyi, tetapi masa itu dia belum menang, bila dia sudah menang dia berhenti. Dia bila menang bintang RTM dia berhenti. Haa Rohana Jalil satu (1), satu (1) <i>group</i> [kumpulan] juga dengan abang juga. Satu (1) <i>band</i> [kugiran] juga dengan abang dahulu. Haa dia kita punya <i>lead singer</i> [penyanyi]

		utama] lah, kira dia penyanyi perempuan kita lah. Haa.
MF	:	<b>Boleh saya tahu apakah jenis genre lagu yang menjadi kegemaran abang Ebby?</b>
ES	:	<i>Okay</i> [baik] abang sebenarnya suka, suka, suka jazz ye, abang <i>more to</i> [lebih pada] jazz. <i>More towards</i> [lebih kepada] jazz. tetapi kerana bila kita kerja itu, kita kena main semua lah. Dia kena main pop semua, kita kena main apa semua kan. Abang suka yang abang suka dengar lah, abang suka dengar... bukan tidak dengar juga, pop ini apa...abang sebenarnya semua jenis muzik abang suka, haa kan. Tapi abang lebih...lebih minat kepada jazz lah...abang minat lah. Haa tapi untuk diri sendiri punya <i>pleasure</i> [nikmat]. Haa tapi abang...semua lagu abang dengar...abang gembira...sebagai seorang yang bekerja sebagai seorang, <i>musician</i> [pemuzik] kita kena dengar semua jenis muzik, haa kan. Baik latin ke, apa ke pop ke, rock ke apa semua kena dengar. Haa tapi untuk abang punya sendiri abang dengar jazz. Haa abang suka dengar jazz.
MF	:	<b>Abang Ebby seorang penulis lagu juga ke?</b>
ES	:	Ye?
MF	:	<b>Abang Ebby seorang penulis lagu juga ke?</b>
ES	:	Abang tulis lagu, "Bila Bunga Berguguran", abang tulis lagu "Hanya Padamu Saja" untuk Ogy dahulu apa itu. "Senandung Duka" untuk Ogy dan cerita, dalam cerita "Suara Kekasih". Haa selepas itu dalam filem "Balik Kampung", dalam filem "Balik Kampung", "Buat Yang Tercinta" abang yang tulis. Itu lagu abang tulis. Abang pernah buat lagu untuk Flora Santos, "Melodi Kasih".

		Abang pernah buat, dalam cerita “Marah-marah Sayang” semua lagu abang, abang buat. Selepas itu sekarang baru ini cerita Showtime 1958 lagu abang. Lirik ditulis oleh arwah Dato Jamil Sulong, dia punya puisi dia dahulu abang ambil, haa.
MF	:	<b>Abang Ebby, ada tidak situasi-situasi yang sukar semasa abang Ebby menceburि bidang nyanyian ini?</b>
ES	:	Tiada lah, pada abang tiada lah sebab dahulu bila kita pandai kendalikan <i>because I manage my ownself</i> [sebab saya uruskan diri saya]. Ye, abang tidak ada pakai <i>manager</i> [pengurus]. Semua abang buat sendiri. Semua itu, <i>even extend of during scripts of the shows</i> [walaupun semasa memanjangkan skrip persembahan] ke apa semua abang buat sendiri ye. Abang <i>manage</i> [urus] diri abang sendiri. Abang tiada <i>manager</i> [pengurus]. Haa itu pun kadang-kadang abang nak orang teman orang tanya dia siapa haa dia ini <i>manager</i> [pengurus] aku, lain tiada abang ajak dia teman sahaja. Gaji dia abang bayar. Haa kan. Sebab apa kadang-kadang nak jaga saksofon abang, nak jaga barang-barang abang, baju abang semua kan abang perlu ada kan seorang. Haa jadi ada orang ikut abang, haa kan. Jadi tiada yang sukar lah, sebab apa senang sahaja, <i>very simple</i> [sangat mudah] misalnya abang ada <i>show</i> [persembahan] di Sarawak ke mana-mana ke luar daripada Malaysia, Sabah ke apa kan, sebelum pergi, abang nak <i>sign 50 percent</i> [tandatangan 50 peratus] haa kan. <i>50 percent</i> [50 peratus]. Abang minta dahulu jadi abang pergi, nanti apa-apa abang akan sampai, kalau abang tidak sampai sana, abang tidak sampai waktu yang dijanjikan, <i>okay</i> [baik] kau boleh saman aku sebab apa ada surat. Kan. Dan bila sampai disana masuk sahaja hotel ke mana duduk, kau bagi aku lagi <i>50 percent</i> [peratus], haa jadi kalau <i>one hour show</i> [persembahan satu jam] misalkan abang buat <i>one hour show</i> [persembahan satu jam], jadi kita duit sudah ada di dalam tangan, begitu kan, kita buat jangan terlajak satu (1) jam pun... <i>show</i> [persembahan] abang satu (1) jam tadi sampai satu (1) jam

setengah, satu (1) jam 45 minit pun abang tidak kisah. Haa kan. Jadi disitu lah orang cakap, ‘ooo, nanti panggil abang Ebby lagi, nanti panggil Ebby Saiful lagi’...haa sebab abang buat bila *show* [persembahan], abang hanya buat bila *show* [persembahan]. Bila *show* [persembahan] ini, abang buat bila *show* [persembahan] ini, tidak ada *no food ending serve* [persembahan ketika acara makan]. Sudah siap dah di dalam kontrak. Dekat situ semua abang tulis. Jadi abang tidak mahu ini ada semua. Sebab apa, tumpuan akan jadi pada kita sahaja. Kalau *time* [masa] makan ke apa ke semua kita menyanyi, orang makan. Orang tidak... selepas itu makan orang berbual, dia tidak dengar kita pun, itu semua membohong lah cakap macam itu. Haa itu pasal habis bernyanyi...dengar tepukan dua (2), tiga (3) orang sahaja, pepak pupuk pepak pupuk [bunyi tepukan] dia jadi sunyi sahaja kan. Jadi kalau dia tengok kita punya *show* [persembahan], dia hayati *show* [persembahan] kita macam mana, apa yang kita buat semua, jadi mereka suka, bila mereka suka, semua akan beri tumpuan, bagi pujian. Bila dapat pujian, *promoter* [penganjur] akan panggil lagi kita. Dapat tidak duit kita lagi, macam itu lah. Sebab itu abang cakap, balik kepada, kita buat kerja kita, kita jaga kerja kita, Allah Taala jaga kita. Kita ingat Allah Taala, Allah Taala jaga kita. Nampak tidak? Jadi kita...benda-benda itu penting, semua berkaitan...berkaitan. Jadi semua berkaitan sebenarnya daripada Allah semua itu turun kepada diri kita, semua ada kaitan. Jangan kata, jangan kita usaha kita tiada, bukan. Bukan usaha kita semua. Jadi kena ingat dekat situ, ingat apa sahaja yang kita buat, habis, Alhamdulillah. Habis *show* [persembahan] aku. Nak mula itu, Bismillahirrahmannirrahim, aku nak mula kerja ini, cakap kan. Minta, ya Allah ya tuhanku, engkau *success* [berjaya] kan lahir kerja aku ini semua. Habis sahaja itu, Alhamdulillah ya Allah ya tuhan ku, berjaya juga buat ini. Jadi, kita ingat Allah Taala, Allah Taala ingat kita. Itu sahaja. Jangan lupa adik. Kita ini ada agama, ada apa semua kan, ingat itu, tegakkan, jangan lupa. Itulah dia, jadi tiada masalah. *Okay* [baik], apa dia...

MF	:	<b>Boleh saya tahu umur abang Ebby berapa sekarang?</b>
ES	:	Umur abang sudah masuk enam (6) <i>series</i> [siri].
MF	:	<b>Abang Ebby masih terlibat dengan bidang muzik, pengarah, dan lakonan ke?</b>
ES	:	Masih lagi, abang masih lagi. Sekarang ini abang tengah tunggu nak cari penyanyi-penyanyi baru sahaja sekarang ini. Inshaallah tidak lama lagi lah. Sebab apa, lagu-lagu abang sudah 300 lebih sudah yang baru, lagu baru. Yang abang belum rekod lagi. Jadi abang nak cari mana yang, mana penyanyi yang betul-betul bagus, tidak dapat peluang untuk masuk pertandingan-pertandingan itu kan, kadang yang masuk pertandingan itu pun yang menang pun tu...haram. Itu kan. Jadi minta maaf lah, di luar-luar, abang pernah jumpa penyanyi dekat luar yang baik-baik lebih baik lagi. Lagi tiada peluang, tidak mengapa, kau tunggu, Insha-Allah. Tapi abang akan bagi lagu abang lah, selepas itu kau nak masuk Youtube apa kau punya pasal siap begitu kan, nak masuk ‘Youtube’, tapi sebab apa, dalam Youtube itu, abang punya KPDNHEP itu ada. Setiap lagu itu ciptaan siapa yang buat itu abang akan hantar kepada KPDNHEP ini lagu aku. Setiap kali keluar KPDNHEP, abang punya itu akan dapat. Nampak tidak? Tapi mereka, mereka punya...itulah. Tapi mereka akan dapat...nasib baik dapat <i>show</i> [persembahan] kea pa semua, atau nama mereka naik ke, haa itu rezeki mereka. Itu sahaja nak cakap. Kita ini sebenarnya banyak bakat-bakat yang baik cuma tidak ketengahkan sahaja. Tidak diketengahkan sahaja. Banyak peluang tiada, begitu. Banyak orang kita boleh menyanyi, Indonesia itu...kau pergi Indonesia, pergi tempat makan, dekat tempat makan itu, dia punya <i>busker</i> [kugiran] itu nyanyi, Allah sedapnya. Dahsyat-dahsyat dia sebenarnya. Kita sahaja dekat sini tidak tahu lah, tiada peluang. Banyak penyanyi kita, budak-budak kita bagus-bagus,

	tengok boleh menyanyi semua. Jadi abang, Inshaallah ada rezeki, abang akan cuba cari yang mana, <i>okay</i> [baik] kau nyanyi lagu ini, daripada 300 lagu ini, kau pilih lagu mana yang kau rasa sesuai untuk kau, aku rekod kan, kau nyanyi. Abang buat macam itu sahaja lah.
--	--

## TAMAT BAHAGIAN 5

### BAHAGIAN 6: PENCAPAIAN

MF	: <b>Abang Ebby ada terima apa-apa anugerah ke sepanjang karier abang dalam bidang seni?</b>
ES	: Saya tidak pernah mendapat anugerah. Abang masuk final sahaja, tapi abang tidak pernah dapat.
MF	: <b>Boleh saya tahu sama ada abang Ebby ada buat mana-mana kolaborasi ke dengan artis luar Negara?</b>
ES	: Abang baru <i>plan</i> [rancang] itu pun dengan pencipta lagu Kasih, Richard Kyoto, tahu tidak lagu “Kasih” macam mana?
MF	: <b>Tidak tahu...</b>
ES	: Malam ini kasih...teringat aku padamu...[menyanyi]...kasih...dengarlah...[menyanyi]...itu lagu “Kasih” abang dengan dia punya pencipta itu, dia baik dengan abang. Jadi dia nak buat itu lah, abang cakap ‘tak payah lah bang, saya nak nyanyi apa lagi dah tua-tua macam ini, kita cari orang baru saja.’ Saya cari orang Malaysia satu (1), abang

cari orang Indonesia, saya cari lelaki, abang cari perempuan, tapi sana yang perempuan yang banyak-banyak yang bagus-bagus. Atau pun saya cari satu (1) perempuan, abang cari satu (1) lelaki, kita buat album, *distribute* [edarkan] dekat Indonesia, dengan Malaysia. ‘Okay, boleh, boleh, boleh’. Sudah buat dah, tetapi, kerana PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) sudah tergantung, sudah berapa tahun dah tergantung. Jadi ini sudah *start* [mula] hubungi balik lah. Itu nama dia, Richard Kyoto. Nama Richard Kyoto, tapi dia muslim, dia Islam sebenarnya. Tapi untuk menyanyi itu, ‘kau nyanyi juga lah Ebby’, dia kata. ‘Tak nak lah bang, cukup lah’, saya cakap. Siapa nak dengar orang tua nyanyi. Begitu saja abang cakap kan. ‘Eh, ada apa’...tapi itu lah, dia memang nak buat lah, abang memang ada *plan* [rancang] lah nak buat *collaboration* [kolaborasi] dengan dia. Dia cari satu (1) penyanyi perempuan dekat sana, abang cari satu (1) penyanyi lelaki. Ataupun abang cari satu (1) penyanyi perempuan, dia cari satu (1) penyanyi lelaki. Kita rekod dekat sana, rekod dekat Indonesia, selepas itu dia *distribute* [edarkan] sana, abang *distribute* [edarkan] sini, begitu saja. Tapi sekarang pun mana ada orang *distribute* [edarkan] sini lagi, semua orang dah, kita buat single pun, kan, buat single pun keluar ini, esok dekat Youtube semua sudah keluar dah. Dekat Indonesia tidak mengapa, di Indonesia dia jaga betul. Kau pasang lagu aku saja itu, kau bayar. Dekat sini sekarang sudah buat lah, kalau tiada kebenaran, dia tidak bagi pasang. Tapi tidak sekutu di Indonesia lah. Indonesia dia DAFF dia kuat, sana. Itu lah, memang *plan* [rancang] itu adalah, tapi Inshaallah, tengok dalam masa terdekat ini, macam mana.

#### TAMAT BAHAGIAN 6

#### BAHAGIAN 7: SUMBANGAN

MF	:	Setakat yang saya tahu, filem Ali Setan adalah salah satu filem yang
----	---	--

		<b>mengangkat nama abang lah untuk lebih dikenali, boleh abang nyatakan sumbangan yang telah abang berikan kepada Negara sepanjang penghasilan filem tersebut.</b>
ES	:	Sumbangan ini macam ini lah, waktu Ali Setan itu sebenarnya, <i>makeup</i> [solek] artis pun Ojins <i>makeup</i> [solek] sendiri. Azmil dengan abang semua tidak <i>makeup</i> [solek], jadi kami...kami lah...kita bagi komitmen terhadap Jins Shamsuddin. Jadi kita semua ini sebagai pelakon, kita bagi kita punya, disiplin kita lah, sebagai pelakon dalam filem ni, itu pasal file mini tiada masalah. Tidak ada masalah untuk <i>shooting</i> [penggambaran]. Tiada. Itu pasal abang ceritakan tadi lah, daripada "Ali Setan" bermula, "Ali Setan 2" lah, Balik Kampung lah, Marah-marah Sayang lah, apa dan sebagainya itu. Disitu lah, semua. Jadi sebagai pelakon itu, kami semua <i>well-discipline</i> [disiplin yang baik]. Artis-artis semua <i>well-discipline</i> [disiplin yang baik], jadi tiada masalah. Masa itu Sheila Majid belum lagi penyanyi pun. Dia baru menyanyi, baru keluar dekat TV apa semua itu baru. Dia belum buat album lagi pun masa itu. Jadi semua <i>well-discipline</i> [disiplin yang baik], tiada masalah, itu sahaja lah sumbangan kami ada situ, selain daripada lakonan kami lah. Ada lagi?
MF	:	<b>Sepanjang abang melibatkan diri dalam industri ini, apakah sumbangan terbesar abang Ebby Saiful kepada Negara Malaysia?</b>
ES	:	Sumbangan abang itu sahaja, mana ada. Sebagai pelakon, sumbangan abang, apa...[masalah teknikal], itu tiada kena mengena dengan bidang ini. Pernah abang bersetongkol macam buat apa ke, ada majlis apa-apa, <i>event</i> [acara] apa-apa ke, untuk kerajaan, ke apa ke untuk mana-mana kan. Pada abang, abang tiada sumbangan...[masalah teknikal] setakat berlakon ini...[masalah teknikal], minta maaf lah mungkin ada orang tidak <i>agree</i> [setuju] dengan abang kan, tapi pada abang, tiada lah. Setakat berlakon sahaja, kan, apa sumbangannya. Tiada pun. Macam Hamid Ghurka itu dia pergi konvokeyen

itu, itu kira sumbangan lah tu. S.M. Salim pergi ke konvokesyen hiburkan, itu arwah S.M. Salim, lagi siapa yang pergi Saloma pergi ke konvokesyen apa semua kan. Itu untuk Negara, itu pada abang sumbangan. Dalam industry itu lah juga, sama juga, itulah lakonan kita hehehe [ketawa]...abang buat...kita buat apa-apa untuk bagi sumbangan masa Highland Tower runtuh ke apa, masa banjir apa kita tolong, tapi, itu pada abang, lebih kepada *personal* [sendirian]. Atas rela kita untuk menolong, membantu, kan. Macam banjir baru-baru ini, kita pergi derma, itu adalah atas...[berfikir], kemahuhan sendiri. Selepas itu kira darurat lah, waktu banjir apa semua yang...dekat Langat apa semua kan kita pergi. Tapi tiada...tidak tahu lah, pasal abang tidak panggil itu sumbangan, kita cakap itu rela hati kan. Rela hati kita nak pergi tolong kan. Pada abang, sumbangan untuk Negara terlalu besar adik. Terlalu besar sangat untuk kita letak sebagai...abang sebagai seorang artis, berlakon ini, dapat bagi sumbangan kan. Sumbangan kepada Negara ini lain tau. Kalau P.Ramlee itu lain. Arwah Tan Sri P.Ramlee itu sumbangan sebab apa dia sampai luar Negara kenal dia, Nampak semua. Jadi benda-benda itu akan dipanggil seniman Negara apa semua kan. Memang betul lah, pada abang, memang abang setuju lah, kan. Kalau setakat kita menyanyi, berlakon, menyanyi selepas itu orang kenal, itu sumbangan apa, sama juga itu, tiada benda juga itu. Kita, orang yang kenal kita orang Malaysia sahaja, itu bukan sumbangan pada abang itu. Itu karier kita sebagai seorang penyanyi, itu sahaja. Pada abang sumbangan untuk Negara ni lain sikit lah. Terlalu besar pada abang, abang bukan, abang tidak layak nak panggil sumbangan itu. Bukan sebab apa, kalau macam setakat bantu orang bagi derma, bagi ini bagi itu, itu bukan sumbangan, itu atas rela hati kita. Kalau setakat berlakon ini cari makan namanya, bukan sumbangan. Orang terkenal itu populariti kita.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8: HARAPAN

MF	:	<b>Abang Ebby boleh nyatakan harapan abang Ebby terhadap industri seni sekarang.</b>
ES	:	<p>Abang cuma itu sahaja lah, <i>I hope for the best</i> [saya harapkan yang terbaik] sahaja lah. Itu sahaja lah. Semua jadi lebih baik lah. Lebih baik dari sekarang lah. Sebab apa, <i>this is between</i> [ini adalah antara], filem komuniti sudah banyak yang terjadi sebenarnya dimana kita pun tidak mahu cerita tentang, pada orang luar, apa yang berlaku sebenarnya. Tapi cuma doakan yang terbaik sahaja lah. Terbaik dari sekarang. Cuma abang doakan itu sahaja lah. Semoga akan jadi lebih baik dari yang sekarang ini lah, itu sahaja. Baik dari segi disiplin, dari segi hati, daripada apa semua lah. Teknikal <i>work</i> [kerja] apa semua lah. Sebab apa kita pun, tidak tahu lah, pakai...hehehe [ketawa], <i>equipment</i> [alatan] pun haram sebenarnya, ada juga dua (2) tiga (3) <i>company</i> [syarikat] yang pakai <i>equipment</i> [alatan] betul nya. Kalau kat luar Negara itu semua sudah, sampai cerita Hindustan itu sudah jauh sangat dah kan. Tengok cerita keling pernah tengok tidak, abang suka tengok cerita Tamil. Cari lah cerita "Ram Taran" ke apa "Alu Velu" ke apa kan. "Adib Kumar" ke apa, tengok cerita-cerita mereka, cari. Lagi satu (1) ini tengok cerita "Gangubai", kalau ada masa ini pergi cari, tengok cerita "Gangubai", bagus cerita dia. Pasal cerita pelacur. Itu cerita betul. Tengok cerita dia semua. Macam mana dia punya set apa semua, tengok, adik cuba tengok, kalau minat lah, tengok cerita itu. Cerita india lah. Lagi satu (1) cerita "Three Idiots". "Three Idiots" itu bukan cerita Hindustan, itu cerita tamil, tamil yang cerita dahulu. Hindustan ambil. Amir Khan berlakon tapi sebelum itu VJ berlakon. Abang sudah lama tengok cerita itu baru keluar "Three Idiots". Nama cerita tamil itu abang tidak tahu la apa. Tapi cakap tamil lah. Cakap tamil, tapi tengok <i>subtitle</i> [sarikata] lah. Mula-mula tengok cerita dia dahulu, tengok <i>acting</i> [berlakon] dia semua, selepas itu tengok lagi sekali baru tengok cerita, tengok <i>subtitle</i> [sarikata] dia</p>

	apa. Selepas itu baru keluar itu “Three Idiots”, ‘aku dah lama dah tengok cerita ni’, abang cakap begitu. Abang semua cerita abang tengok. Cerita cina, cerita tamil, cerita Hindustan, ke apa cerita melayu semua abang tengok. Jadi dapat lah beza kan dekat mana macam mana kan. Orang putih susah lah, kalau Bollywood itu kita nak bandingkan dengan kita jauh sangat mereka <i>100 years ahead</i> [tahun kehadapan] daripada kita. Ada apa lagi adik? Silakan.
MF	: <b>Apakah harapan dan kata-kata abang Ebby terhadap generasi baru kita sekarang yang berkecimpung didalam industry seni?</b>
ES	: Bekerja biar jujur. Bila kita itu <i>dedicated</i> [dedikasi] dengan kerja kita, ada komitmen, ada disiplin, dan ada <i>respect</i> [hormat], simpan itu, Inshaallah kita mesti selamat. Kalau macam industri pun, macam tadi abang cakap, <i>hope for the best</i> [harapkan yang terbaik] lah. Mungkin <i>from good to better</i> [daripada baik kepada lebih baik], <i>or from better to best</i> [atau daripada lebih baik kepada terbaik], kan. Jadi macam itu lah, abang harap macam itu lah. Dan pada yang berlakon, macam yang abang cakap tadi, selain daripada itu, bila nak buat sesuatu kerja, tolak belakang, <i>glamour</i> [popular] itu tolak dahulu, bila kita sudah berlakon, dah terkenal itu, <i>glamour</i> [popular] kejar kita. Jangan kita kejar <i>glamour</i> [popular]. Biar <i>glamour</i> [popular] kejar kita. Bila <i>glamour</i> [popular] kejar kita, kita sudah tidak rasa apa-apa. Kita rasa macam biasa sahaja. Kita akan rasa itu adalah tugas kita, sebagai pelakon, penyanyi ke apa begitu. <i>You put your glamour aside</i> [awak letak popular awak ketepi], tepikan dia, sebab apa, bila kita baik kan, <i>glamour</i> [popular] akan kejar kita. Populariti akan kejar kita, habis cerita, kan. Kalau kita baru setakat, satu (1) dua (2) drama ke, sepuluh (10) drama ke konon-konon aku sudah berlakon, aku <i>glamour</i> [popular], tolak tepi saja la cakap kan. Macam itu bukannya yang kau berlakon itu bagus. Macam itu sahaja pada abang. <i>Simple</i> [mudah]. Jadi jangan susah-susah kan diri. Tidak popular dengan manusia tidak mengapa...hehehe [ketawa], Insha-Allah, kalau kita buat kerja dengan betul, Insha-Allah. Ada

		lah rezeki kita, Insha-Allah. Allah nak bagi.
MF	:	<b>Alhamdulillah, tamat sudah soalan kita abang Ebby.</b>
ES	:	Alhamdulillah...
MF	:	<b>Dengan ini, tamatlah sesi temu bual kita mengenai pengalaman, latar belakang, dan sumbangan abang Ebby Saifullah Ali sepanjang penglibatannya di dalam industri seni. Kami berdua mengucapkan ribuan terima kasih dekat abang atas kesudian, kerjasama yang abang berikan, nasihat dalam menyempurnakan wawancara ini lah.</b>
ES	:	Baik terima kasih abang pun begitu juga ya, abang pun ucap terima kasih kerana <i>interview</i> [temubual] eh, <i>okay</i> [baik] Fahmi terima kasih, dan Nurul, terima kasih ya. <i>okay</i> [baik] assalamualaikum.

#### TAMAT BAHAGIAN 8

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN/PERKERA RA
0:00:00	Ayat pembuka (pengenalan)	Muhammad Fahmi Azlizam Nurul Syazwani Sohaimi
0:00:54	Maklumat tentang latar belakang tokoh	Ebby Saifullah Bin Ali Norsiah Binti Yem Ali Bin Ahmad Sepasang anak Sekolah Batu Road, Kuala Lumpur Maxwell School, Kuala Lumpur
0:12:54	Maklumat tentang pengalaman kerjaya tokoh	Berlakon Datuk Aziz Satar Malik Selamat Maria Menado Raja Bersiang Intan Muzik Merlin Hotel Idris Hashim Demang Lebar Daun Setinggan Hotel Habsah Hassan Ali Setan Asmara Kirana Anwardi Datuk Jamil Yusof Kelana Mat London
0:22:37	Maklumat tentang penglibatan/pengalaman tokoh dalam bidang lakonan	Osman Hafsham Anak Tatangan P.Ramlee Jangan Tinggal Daku Puntianak Kembali Ali Setan Balik Kampung Ogy Ahmad Daud Rentak Desa' Eman Manan Azizah the Legend' Rahim Razali

		Azmil Mustapha Abu Bakar Omar Ed Osmera Latif Borgiba Mahmud June
0:32:37	Maklumat tentang watak yang paling mencabar sepanjang karier tokoh sebagai seorang pelakon	Hero Waterfront Amir Amirah Baju perempuan Gila Rambut palsu Skirt Patama
0:49:53	Maklumat tentang petua/tip untuk anak muda kini yang menceburi industri lakonan	Dedication Commitment Respect Call time Common sense
0:55:09	Maklumat tentang pandangan tokoh terhadap industri lakonan kini	Jiwa Marah Nada suara Fauziah Nawi Tips Kalid Salleh Deliver dialogue Eman Manan Pelakon-pelakon bagus
1:03:50	Maklumat tentang penglibatan/pengalaman tokoh dalam bidang penerbitan	80-an 87-an, 88-an Double Vision Anwardi Sumpahan Mahsuri Marah-marah Sayang Joint Venture Jepun Dato Haji Jamil Sulong Favouritism Assistant
1:09:54	Maklumat tentang kesukaran yang dihadapi tokoh sepanjang menjadi seorang pengarah	Anak kecil Pekik-pekit Tidak sampai Booking Reshoot

		Cekap
1:18:14	Maklumat tentang strategi tokoh sebagai pengarah dalam menghadapi situasi yang tidak diduga	Pengarah Penolong pengarah Penjaga kesinambungan Scene Hormat
1:26:38	Maklumat tentang filem terbaru yang tokoh terbitkan	PKP Remy Ishak Teater Pokok Haliza Misbun Buyung Zasdar Rahim Jailani Perang Musuh Bisik Kedah Grab Bell Ngasri
1:32:49	Maklumat tentang penglibatan/pengalaman tokoh dalam bidang muzik	RMC Musician Jazz Ahmad Idris Audition Jabar Osman Taib Osman Yanto Solman RTM
1:40:39	Maklumat tentang lagu pertama yang dinyanyikan tokoh	Mengapa Terjadi Kata-kata Cinta Pahlawan Cangkul Kisah Cinta Senandung Duka Buat Yang Tercinta Bila Bunga Berguguran
1:45:20	Maklumat tentang alat muzik yang digemari dan mampu dikuasai tokoh	Gitar Piano Saxophone Flute Klarinet
1:46:40	Maklumat tentang kumpulan yang pernah tokoh serta	WK Band Rahim Maarof Green Mate

		New Breed Rohana Jalil
1:50:08	Maklumat tentang situasi sukar yang pernah dihadapi tokoh semasa berkecimpung dalam industri muzik	I manage my own self Manager
1:57:10	Maklumat tentang perancangan masa depan bersama artis luar negara	Lagu Kasih Richard Kyoto Malaysia Indonesia Collaboration
1:59:50	Maklumat tentang sumbangan tokoh sewaktu filem Ali Setan	Ali Setan Makeup Well discipline
2:05:50	Maklumat tentang harapan tokoh terhadap industri seni	I hope for the best Cerita Tamil Alu Velu Ram Taran Three Idiots

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
0800 - 0900	5 April 2022	Mendapat maklumat tentang tugasan sejarah lisan termasuk tema, syarat pemilihan tokoh dan hasil akhir yang perlu didapatkan daripada pensyarah	Catatan awal dibuat
0800 - 1100	6 April 2022	Mula melakukan kajian mengenai seniman veteran di Malaysia berdasarkan syarat yang telah ditetapkan	Melakukan kajian terhadap seniman veteran di Internet
0900 - 1100	7 April 2022 - 10 April 2022	Membuat beberapa pemilihan tokoh dan kajian lebih terperinci tentang tokoh tersebut dijalankan	Menyenaraikan beberapa tokoh yang sesuai mengikut syarat yang telah ditetapkan
0830	11 April 2022	Pemilihan akhir adalah Ebby Saifullah Ali	
0800	12 April 2022 - 15 April 2022	Menyiapkan abstrak berkaitan tokoh untuk mendapatkan kelulusan daripada pensyarah sebelum melakukan pendekatan terhadap tokoh terpilih	Menyiapkan abstrak berdasarkan format yang telah ditetapkan
0830	18 April 2022	Mengisi borang untuk mendapatkan Surat Penyelidikan Tokoh	Mengisi borang yang telah disediakan di dalam "Google Classrom"
0830	24 April 2022	Mendapatkan kelulusan daripada pensyarah (Surat Penyelidikan Tokoh) untuk membuat penyelidikan terhadap Ebby Saifullah Ali	Mendapatkan surat kelulusan menerusi Whatsapp kelas
0900	25 April 2022	Menghubungi Ebby Saifullah Ali untuk mendapatkan persetujuan beliau untuk	Menghubungi Ebby Saifullah Ali

		ditemubual	menerusi Facebook dan Instagram
0900	11 Jun 2022 - 15 Jun 2022	Menyiapkan proposal sejarah lisan	Mencari bahan rujukan tambahan berkaitan seniman veteran bagi proses menyiapkan proposal
0900	12 Jun 2022 - 15 Jun 2022	Menyiapkan “preliminary preparation”	Menyiapkan “preliminary preparation” mengikut contoh yang diberikan dan maklumat yang diperolehi
0830	12 Mei 2022 - 13 Jun 2022	Menyiapkan soalan untuk sesi temubual bersama Ebby Saifullah Ali	Menyiapkan 140 soalan yang bersesuaian mengikut latar belakang Ebby Saifullah Ali
1430	13 Jun 2022	Menghantar soalan kepada pensyarah untuk semakan	Soalan dihantar untuk semakan menerusi Whatsapp
0930	20 Jun 2022	Pembetulan akhir dilakukan dan soalan temubual siap	Pembetulan akhir dilakukan berdasarkan penilaian pensyarah
0900 - 1200	24 Jun 2022	Sesi temubual bersama Ebby Saifullah Ali dijalankan	Sesi temubual dijalankan menerusi aplikasi Google Meet dan temubual direkod
0900	1 Julai 2022 -	Menyiapkan transkrip	Menyiapkan

	3 Ogos 2022		transkrip berdasarkan video yang telah direkod sepanjang temubual berlangsung mengikut format-format yang telah ditetapkan
0930	28 Julai 2022 - 3 Ogos 2022	Menyiapkan artikel	Menyiapkan artikel berdasarkan hasil daripada kajian tentang tokoh terpilih dan maklumat yang diperoleh daripada temubual
0800	3 Ogos 2022	Menyiapkan "research diary"	Diari kajian disiapkan berdasarkan setiap proses yang berlangsung dari penerimaan tugas sehingga artikel disiapkan

## **SOALAN TEMUBUAL**

**Tokoh:** Ebby Saiful

**Latar belakang keluarga**

1. Apakah nama sebenar encik?
2. Apakah nama timangan/gelaran encik?
3. Pada tahun berapakah encik dilahirkan?
4. Dimanakah encik dilahirkan dan dibesarkan?
5. Berapakah umur encik pada tahun ini?
6. Dimanakah encik menetap sekarang?
7. Apakah nama ibu dan bapa encik?
8. Apakah pekerjaan mereka?
9. Berapakah bilangan adik-beradik encik?
10. Encik merupakan anak yang keberapa dalam keluarga?
11. Apakah nama isteri encik?
12. Encik mempunyai berapa orang anak sekarang?
13. Boleh encik beritahu nama dan dimanakah mereka sekarang?
14. Berapakah bilangan cucu yang encik miliki sekarang?
15. Apakah yang encik suka lakukan untuk mengisi masa lapang?

## **Latar belakang pelajaran**

1. Dimanakah encik bersekolah rendah?
2. Boleh encik ceritakan sedikit tentang pengalaman encik di sekolah rendah?
3. Bagaimana pula dengan sekolah menengah encik? Dimanakah encik bersekolah?
4. Boleh encik beritahu serba sedikit tentang pengalaman dan pencapaian encik di sekolah menengah?
5. Boleh encik ceritakan sebarang peristiwa menarik yang berlaku sepanjang persekolahan encik?
6. Adakah encik terlibat dengan sebarang aktiviti seni seperti berlakon, bernyanyi dan lain-lain lagi semasa encik bersekolah dan boleh encik terangkan mengenai aktiviti tersebut?
7. Encik merupakan anak dari keluarga seniman iaitu komposer Ali Ahmad dan aktres Norsiah Yem. Bagaimanakah layanan yang encik terima semasa bersekolah? Adakah terdapat layanan istimewa yang encik terima ketika itu?
8. Adakah encik menyambung pengajian ke universiti?
9. Mengapakah encik memilih untuk menyambung/tidak menyambung pengajian ke universiti?

### **Penglibatan sebelum menceburi industri seni**

1. Apakah pekerjaan awal encik sebelum menceburi bidang seni?
2. Bagaimanakah keadaan dan prestasi kerjaya encik pada waktu itu?
3. Apakah pekerjaan lain yang pernah encik lakukan sebelum benar-benar aktif dalam bidang seni?

### **Penglibatan awal di dalam industri seni**

1. Pada umur berapakah encik terlibat dengan industri seni?
2. Bagaimanakah encik boleh melibatkan diri dalam industri seni?
3. Apakah punca atau sebab encik menukar kerjaya tersebut kepada kerjaya yang berkaitan dengan seni?
4. Siapakah diantara adik-beradik encik yang juga terlibat dengan industri seni dan apakah bidang yang mereka terlibat?
5. Adakah ibu bapa encik mendorong encik untuk terlibat dengan industri seni? Mengapa?
6. Adakah encik mendorong anak-anak encik untuk terlibat dengan industri seni? Mengapa?
7. Adakah isteri encik juga terlibat dengan industri seni?
8. Boleh encik nyatakan bidang pertama yang encik ceburi di dalam industri seni?
9. Bilakah encik mula menceburi dalam bidang perlakonan?
10. Kenapa encik ingin menjadi pelakon?
11. Adakah encik suka berlakon sejak kecil?
12. Apakah yang encik paling suka dalam bidang lakonan?
13. Apakah yang encik suka selain dari lakonan?

## **Penglibatan/pengalaman dalam industri lakonan filem**

1. Apakah filem pertama yang encik lakonkan?
2. Boleh encik ceritakan sedikit tentang filem tersebut?
3. Apakah watak yang encik pegang di dalam filem tersebut?
4. Apakah cabaran yang encik perolehi sewaktu melakonkan watak tersebut?
5. Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik boleh terlibat sebagai pelakon dalam filem tersebut?
6. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu diajak/dijemput untuk berlakon dalam filem tersebut?
7. Adakah encik pernah menjadi seorang pelakon kanak-kanak?
8. Menjadi seorang pelakon kanak-kanak merupakan satu batu loncatan untuk memulakan karier sebagai seorang pelakon. Namun mengapakah encik memilih untuk tidak melanjutkan karier sebagai pelakon kanak-kanak?
9. Apakah kekuatan dan kelemahan terbesar encik dalam lakonan?
10. Apakah matlamat kerjaya jangka panjang encik?
11. Apakah penerbitan filem kegemaran encik dan mengapa encik menggembari penerbitan filem tersebut?
12. Apakah yang encik rasa lebih penting untuk seorang pelakon, bakat atau latihan?  
Mengapa?
13. Apakah langkah yang encik ambil untuk memahami sepenuhnya kepentingan watak encik kepada cerita itu?
14. Siapa yang encik anggap sebagai model peranan (role model) lakonan encik yang kerjayanya ingin encik contohi, dan mengapa?
15. Boleh encik senaraikan filem yang pernah encik lakonkan sepanjang berada dalam industri seni?
16. Diantara semua filem yang pernah encik terlibat sebagai pelakon, filem manakah yang paling memberikan kesan terhadap encik? Berkemungkinan filem tersebut menjadi batu loncatan buat encik lebih dikenali?
17. Boleh encik ceritakan pengalaman encik sepanjang encik berlakon dalam filem tersebut?
18. Apakah watak encik yang paling lama di atas pentas?

19. Apakah pengalaman yang encik ada dalam membangunkan aksen (loghat) untuk watak tertentu?
20. Terangkan watak encik yang paling mencabar setakat ini.
21. Industri hiburan dikatakan penuh dengan tekanan dan tekanan; apakah yang encik lakukan untuk menangani tekanan yang datang kepada encik?
22. Adakah encik masih lagi aktif berlakon filem sekarang ini?

### **Penglibatan/pengalaman dalam industri lakonan drama**

1. Apakah drama pertama yang encik lakonkan?
2. Boleh encik ceritakan sedikit tentang drama tersebut?
3. Apakah watak yang encik pegang di dalam drama tersebut?
4. Apakah cabaran yang encik perolehi sewaktu melakonkan watak tersebut?
5. Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik boleh terlibat sebagai pelakon dalam drama tersebut?
6. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu diajak/dijemput untuk berlakon dalam drama tersebut?
7. Apakah penerbitan drama kegemaran encik?
8. Boleh encik senaraikan drama yang pernah encik lakonan sepanjang berada dalam industri seni?
9. Diantara semua drama yang pernah encik terlibat sebagai pelakon, drama manakah yang paling memberikan kesan terhadap encik? Berkemungkinan drama tersebut menjadi batu loncatan buat encik lebih dikenali?
10. Boleh encik ceritakan pengalaman encik sepanjang encik berlakon dalam drama tersebut?
11. Terangkan watak encik yang paling mencabar di dalam sesuatu drama.
12. Boleh encik senaraikan beberapa petua atau tips yang boleh membantu anak seni yang masih baru berkecimpung dalam bidang lakonan?
13. Adakah encik masih lagi aktif berlakon drama sekarang ini?
14. Sebagai seorang seniman yang telah menceburi bidang lakonan dalam jangka masa yang cukup lama, apakah pandangan atau pendapat encik tentang industri lakonan sekarang ini?

## **Penglibatan/pengalaman dalam industri musik**

1. Bagaimanakah encik boleh melibatkan diri dalam bidang nyanyian?
2. Apakah lagu pertama yang encik nyanyikan?
3. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu diberi peluang untuk menyanyikan lagu tersebut?
4. Adakah encik bermain sebarang alat muzik?
5. Alat musik manakah kegemaran encik untuk dimainkan dan mengapa?
6. Adakah encik pernah menuju kumpulan atau pernah terlibat dengan sebarang kumpulan?
7. Apakah nama kumpulan dan nama ahli kumpulan encik?
8. Siapakah yang memberikan idea untuk menuju kumpulan tersebut?
9. Apakah kekuatan yang encik ada yang encik percaya menjadikan encik seorang penyanyi yang hebat?
10. Apakah kemahiran yang telah encik pelajari yang akan membantu encik dalam kerjaya nyanyian encik?
11. Apakah yang membuatkan encik membuat keputusan untuk meneruskan kerjaya dalam bidang hiburan?
12. Apakah jenis genre lagu yang menjadi kegemaran encik sebagai penyanyi?
13. Apakah prestasi terbaik dalam kerjaya encik setakat ini?
14. Bilakah encik paling berpuas hati dalam pekerjaan encik ketika menjadi penyanyi?
15. Siapakah penyanyi yang pernah membuat kolaborasi dengan encik?
16. Adakah encik juga menggubah lagu?
17. Apakah lagu pertama yang encik cipta dan keluarkan?
18. Darimanakah encik mendapat inspirasi untuk mencipta lagu tersebut?
19. Keberhasilan penciptaan lagu bukan hanya diperoleh dari sang penciptanya sahaja tetapi dengan gabungan penyanyi yang melantunkan lagu tersebut. Boleh encik senaraikan nama penyanyi yang telah berjaya menyanyikan lagu ciptakan encik?
20. Apakah situasi sukar yang telah encik atasi dalam kerjaya?
21. Bagaimana encik mengendalikan kemarahan?
22. Apakah kegagalan terbesar encik dalam bidang nyanyian dan penciptaan lagu?
23. Apa yang encik pelajari daripadanya?

24. Adakah encik masih lagi terlibat dalam bidang nyanyian sekarang ini? Mengapa?

#### **Penglibatan/pengalaman dalam industri penerbitan**

1. Sejak bila encik mula jadi pengarah?
2. Mengapakah encik beralih arah menjadi seorang pengarah?
3. Apakah drama atau filem pertama yang encik arahkan?
4. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu berjaya mengarahkan drama/filem tersebut?
5. Boleh encik ceritakan kesukaran yang encik hadapi sewaktu mengarahkan drama/filem tersebut?
6. Apakah yang paling encik banggakan dalam kerjaya encik setakat ini?
7. Apakah strategi yang encik gunakan untuk membina pasukan kerja yang cekap?
8. Apakah yang encik lakukan untuk memotivasi ahli pasukan encik dalam kedudukan encik sebelum ini?
9. Apakah yang encik lakukan untuk kekal tenang apabila projek tidak berjalan seperti yang dirancang?
10. Terangkan bagaimana encik menyediakan belanjawan tahunan.
11. Apakah tugas paling mencabar yang encik hadapi dalam kerjaya encik setakat ini?
12. Apa yang encik pelajari daripadanya?
13. Apakah yang encik lakukan untuk membantu ahli pasukan yang berprestasi rendah untuk meningkatkan tahap dengan seluruh kumpulan?
14. Bagaimana encik menangani kritikan?
15. Pernahkah terdapat isu dalam kerjaya encik sebelum ini yang encik tidak dapat menyelesaikannya?
16. Apa yang encik rasa paling sukar untuk menjadi pengarah?
17. Boleh encik nyatakan drama atau filem terbaru yang encik hasilkan?

## **Pencapaian**

1. Boleh encik senaraikan beberapa pencapaian encik terutama di dalam bidang lakonan?
2. Adakah encik pernah menerima sebarang anugerah sepanjang karier encik dalam industri seni?
3. Boleh encik beritahu anugerah apa yang telah encik terima?
4. Setiap seniman semestinya ingin karyanya diiktiraf dan salah satu bukti pengiktirafan karya tersebut adalah melalui penerimaan anugerah. Bagaimanakah perasaan encik sewaktu menerima anugerah tersebut?
5. Selain daripada penerimaan anugerah, apakah lagi pencapaian yang pernah encik terima sepanjang encik berada di dalam industri seni.
6. Adakah encik pernah membuat sebarang kolaborasi dgn mana-mana artis dari luar negara?
7. Adakah encik pernah menerima sebarang anugerah dari luar negara?

## **Sumbangan**

1. Filem Ali Setan merupakan salah satu filem yang mengangkat nama encik untuk lebih dikenali. Boleh encik nyatakan sumbangan yang telah encik berikan sepanjang penghasilan filem tersebut?
2. Baru-baru ini encik telah terlibat dengan salah satu rancangan realiti televisyen malaysia iaitu The Masked Singer Malaysia. Ini merupakan kemunculan semula encik sebagai seorang penyanyi. Apakah sumbangan yang telah encik berikan sepanjang penglibatan encik?
3. Boleh encik nyatakan sumbangan terbesar yang telah encik berikan sepanjang terlibat di dalam industri seni?

### **Harapan**

1. Boleh encik nyatakan harapan encik terhadap industri seni sekarang?
2. Apakah harapan encik kepada generasi sekarang yang berkecimpung di dalam industri seni?
3. Adakah encik mempunyai harapan yang masih belum tercapai?
4. Boleh encik terangkan dengan lebih lanjut tentang harapan encik?

## **SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya ..... Ebby Saifulah Bin Ali..... K/P: ..... pada  
24.06.2022 ..... dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan  
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (interviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik.

(Nama tokoh Ebby Saifulah Bin Ali)  
Tarikh: 24.06.2022

(Nama pensyarah Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

## **INDEKS**

### **A**

**Ahmad Yatim** 24

**Ali Bin Ahmad** 4, 60

**Ali Setan** 9, 10, 12, 13, 42, 54, 60, 61, 63, 75,

**Amir Amirah** 20, 61

**Anak Tatangan** 18, 19, 61

**Anwardi** 10, 11, 28, 60, 62

**Artis** 8, 11, 12, 16, 18, 20, 35, 36, 44, 45, 46, 52, 55

**Assistant** 4, 18, 62

**Audition** 41, 62

**Azizah The Legend** 10, 13, 15, 61

**Azlina Aziz** 8

**Azmil Mustapha** 13, 61

### **B**

**Batu Road** 6, 60

**Berlin** 7, 48

**Bowling** 5

**Buat Yang Tercinta** 44, 49, 63

## C

**Cacat 15**

**Cerita 4, 7, 8, 9, 12, 13, 18, 20, 22, 34, 38, 44, 49, 56**

**Character 12, 13, 14, 16**

**Cheras, Alam Damai 3**

**Cikgu 7, 40**

**Collaboration 53, 63**

**Commitment 21, 22, 26, 61**

**Company 11, 29, 56**

**Concorde 8, 9**

## D

**Datuk Aziz Satar 8, 9, 60**

**Datuk Jamil Sulong 10**

**Dedication 21, 22, 37, 61**

**Deliver dialogue 25, 61**

**Demang Lebar Daun 8, 60**

**Double Vision 28, 61**

**Drama 4, 7, 10, 12, 18, 31**

**Drum 46**

**E**

**Ebby** 20, 21, 29, 44, 50

**Ed Osmera** 9, 13, 14, 61

**Eman Manan** 12, 13, 14

**Extra** 8, 17, 31

**Extrovert** 5

**F**

**Family** 12

**FDAM** 10

**Filem** 2, 4, 10, 12, 13, 14, 15, 17, 20, 23, 28, 32, 37, 46, 48, 54, 56

**Fine art** 5

**Flute** 9, 46, 47

**G**

**Gitar** 40, 46, 47

**Green Mate** 47

**Group** 33, 47

## **H**

**Habsah Hassan** 9, 60

**Hero Waterfront** 20, 61

**Hobi** 5

**Hussein Abu Hasssan** 14

## **I**

**Idris Hashim** 8, 60

## **K**

**Khalid Salleh** 14, 24

**Kuswadinata** 8

## **M**

**Marah-marah Sayang** 4, 10

**Musik** 7, 8, 9, 10, 42, 48

## **N**

**Nasir Bilal Khan** 14, 25, 39

**New Breed** 48

**O**

**Ogy Ahmad Daud** 12, 13,

**Osman Abadi** 15

**Osman Hafsham** 18, 19

**P**

**Pengarah** 4, 10, 11, 28

**Profession** 16

**R**

**Rahim Razali** 13, 14, 24, 61

**Respect** 17, 18, 21, 22, 26, 36

**S**

**Saxsofon** 10, 41, 46

**Senandung Duka** 44, 49, 63

**Scene** 26, 31, 34, 35, 62

**Shooting** 6, 14, 15, 30, 31, 35

**Suara Kekasih** 49

**Sumpahan Mahsuri 4, 29, 62**

**T**

**Tiga Dara 19**

**Tips 16, 21, 22, 25, 39**

**W**

**Waktu 6, 23, 29, 55**

**Watak 12, 14, 15, 16**

**WK Band 47, 48, 63**